


# 2013

Laporan Tahunan




مجلس اہل اسلام دان عادت مہلہو ڦيراق

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK



# 2013

Laporan Tahunan



مجلس ائمام اسلام دان عاكة ملايو فيراق  
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

# kandungan

- 10** PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
- 13** KEANGGOTAAN MAIPK
- 18** INFORMASI KORPORAT
- 27** PRESTASI PERSIDANGAN & JAWATANKUASA UTAMA MAIPK
- 32** LAPORAN OPERASI
- 49** ANUGERAH
- 51** PERISTIWA PENTING
- 65** STATISTIK
- 75** PENYATA KEWANGAN
- 106** KERATAN AKHBAR
- 115** DIREKTORI MAIPK

## **MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK**

Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan,  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,  
30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

Tel : **05-208 4000**

Faks : **05-241 4257**

E-mel : **korporat@maiamp.gov.my**

Facebook : **Zakat Perak - MAIPk**

[www.maiamp.gov.my](http://www.maiamp.gov.my)




### **RASIONAL KULIT**

Bentuk geometri di bahagian luar (6 kelopak) yang berhubung antara satu sama lain merupakan gambaran rukun Iman yang menjadi pegangan umat Islam selain rukun Islam.

Geometri di bahagian tengah berwarna kuning sebagai lambang DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan sebagai ketua agama Islam di Negeri Perak.

Jata Perak berada di tengah sebagai lambang perpaduan rakyat, keharmonian, keseimbangan dan keadilan.







*Daulat Tuanku*



**DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN  
SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH  
IBNI ALMARHUM SULTAN YUSSUF IZZUDDIN SHAH GHAFARULLAHU-LAH  
D.K., D.K.M., D.M.N., D.K.A.**

Sultan, Yang Di-Pertuan dan Raja Pemerintah Negeri Perak Darul Ridzuan





**DULI YANG MAHA MULIA  
RAJA PERMAISURI PERAK DARUL RIDZUAN  
TUANKU BAINUN**


**D.K., D.K. (Selangor), D.M.N., D.K.A.**



**DULI YANG TERAMAT MULIA**  
**RAJA MUDA PERAK DARUL RIDZUAN**  
**RAJA DR. NAZRIN SHAH IBNI SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH**  
D.K., D.K.S.A., D.K.A., D.K.II (Selangor), S.P.C.M., S.P.T.S.,  
S.P.M.P. (Perlis), Ph.D. (Harvard)



**DULI YANG TERAMAT MULIA  
RAJA PUAN BESAR PERAK DARUL RIDZUAN  
TUANKU ZARA SALIM  
D.K.S.A., D.K.A.**



# Perutusan

---

Perutusan  
KETUA PEGAWAI  
**Eksekutif**



Bismillahi Rahmani Rahim

Segala puja dan puji ke hadrat Allah SWT. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW, rasul junjungan sekalian alam. Alhamdulillah dengan izinNya jua, Laporan Tahunan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) bagi tahun 2013 dapat diterbitkan untuk menjadi tatapan dan rujukan para pelanggan yang dikasihi.

Tahun 2013 mencatatkan satu lagi sejarah kegemilangan MAIPk di mana MAIPk telah mengorak langkah jitu dengan begitu yakin dalam usaha meneruskan agenda murni membangunkan ummah di negeri Perak. Pelbagai pencapaian yang diperolehi sebelum ini terus dipertingkatkan demi menyempurnakan tanggungjawab yang diamanahkan ini.

Syukur alhamdulillah, jumlah keseluruhan pungutan zakat pada tahun 2013 telah mencapai RM109 juta berbanding dengan hanya RM100 juta pada tahun 2012. Pencapaian ini adalah hasil usaha warga MAIPk yang tidak jemu mendekati umat Islam di Perak untuk melaksanakan ibadah zakat, ditambah pula dengan kesedaran umat Islam sendiri untuk melaksanakan kewajipan rukun Islam yang keempat.

Kepercayaan masyarakat telah menjadi pendorong kepada MAIPk terus meningkatkan agihan zakat pada tahun 2013. Sejumlah RM101 juta telah berjaya diagihkan merentasi semua kumpulan asnaf. Pelbagai program latihan dan kemahiran baharu telah dianjurkan dengan kerjasama institusi-institusi latihan bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat khususnya asnaf Fakir dan Miskin di seluruh Negeri Perak. Di samping itu, MAIPk meneruskan jalinan kerjasama dengan pelbagai agensi pekerjaan supaya para pelajar yang telah mengikuti latihan kemahiran memperoleh pekerjaan setelah usai pembelajaran.

Pada tahun 2013, MAIPk mula memperkenalkan Skim Wakaf Tunai kepada masyarakat. Masyarakat kini mempunyai saluran dan peluang untuk terus melaksanakan kebajikan selain zakat. Alhamdulillah, skim yang berpotensi besar ini mula diperkenalkan pada bulan Mei 2013 dan telah berjaya memungut wakaf tunai sebanyak RM147 ribu. MAIPk yakin, Skim Wakaf Tunai ini akan menjadi satu fenomena luar biasa yang akan merangsang pembangunan harta-harta wakaf di seluruh Negeri Perak. Saya berharap, masyarakat Islam pantas mengambil peluang keemasan ini untuk bersama-sama MAIPk dalam usaha memartabatkan harta-harta wakaf ke tahap yang lebih membanggakan.

Melihat kepada perkembangan pungutan dan agihan zakat, wakaf dan sumber am di Negeri Perak yang memberangsangkan, MAIPk akan terus berusaha memantapkan lagi aspek pengurusannya agar lebih efektif dan efisien. Justeru, pelbagai dimensi penambahbaikan diterokai untuk direalisasikan. Dalam usaha ini, proses pengagihan dipercepatkan, piagam pelanggan diperkasakan, prosedur dan peraturan sentiasa diperbaiki dan ditambah baik serta data-data MAIPk selalu dikemas kini. Oleh itu, teknologi maklumat dan komunikasi sentiasa diteliti dan dimanfaatkan sepenuhnya bagi meningkatkan kecekapan pengurusan ke tahap yang optimum dan efisien dengan kos yang minimum.


Akhir kata, laporan tahunan ini dapat merungkai setiap usaha mengenai zakat, wakaf dan sumber am yang telah dilaksanakan untuk pengetahuan para pelanggan. Ucapan terima kasih kepada semua pihak kerana bersama-sama menggembeng tenaga, idea dan wang ringgit dengan MAIPk demi meningkatkan taraf sosio-ekonomi umat Islam di Negeri Perak.

Sekian, terima kasih.

**DATO' DR. SYED OMAR SHARIFUDDIN BIN SYED IKHSAN**

Keanggotaan  
MAIPk

---





**DULI YANG TERAMAT MULIA RAJA MUDA PERAK DARUL RIDZUAN  
RAJA DR. NAZRIN SHAH IBNI SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH**

**D.K., D.K.S.A., D.K.A., D.K.II (Selangor), S.P.C.M., S.P.T.S.,  
S.P.M.P. (Perlis), Ph.D. (Harvard)**

**Yang DiPertua Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak**



# Ahli Kerana Jawatan



▲  
YAB. DATO' SERI  
DIRAJA DR. ZAMBRY  
BIN ABD. KADIR

▲  
YB. DATO' SERI ABDUL  
PUHAT BIN MAT NAYAN

▲  
YB. DATO' AHMAD  
KAMAL BIN MD. SHAHID



▲  
YB. DATO' HAJI MOHD.  
GAZALI BIN JALAL

▲  
YABHG. SS. TAN SRI DATO'  
SERI (DR.) HAJI HARUSSANI  
BIN HAJI ZAKARIA

▲  
YAA. DATO' HAJI  
MUHAMMAD ASRI  
BIN HAJI ABDULLAH

▲  
YBHG. DATO' HAJI  
MOHD YUSOP BIN  
HAJI HUSIN

# Ahli-Ahli



▲  
**YABHG. ORANG KAYA  
TEMENGGONG PADUKA RAJA  
DATO' SERI WAN MOHD. FATHIR  
@ WAN FADZIR BIN  
WAN HUSSAIN**

▲  
**YABHG. DATO' SERI  
MOHD. ANNUAR  
BIN ZAINI**

▲  
**YBHG. DATO' HAJI  
MD. SALLEH BIN HAJI  
MD @ HAJI AHMAD**

▲  
**YBHG. DATO' HAJI  
MOHAMAH NOR  
BIN HAJI MANSOR**

▲  
**YBHG. DATO' HAJI  
MUHAMMAD RIVAI  
BATUBARA**



▲  
**YDH. DCP DATO'  
PAHLAWAN MOHD  
SHUKRI BIN DAHLAN**

▲  
**YDH. TOH SERI BIJAYA LT. KOL (B)  
DATO' SHAHARUDIN BIN  
HAJI NAZARI**

▲  
**YBHG. DATO' (DR.)  
HAJI ABD. MALEK  
BIN AWANG KECHIL**

▲  
**YBHG. PROFESOR  
DR. HAJI JAMIL  
BIN HASHIM**



▲  
YBHG. TUAN HAJI  
AS'AD BIN AWANG

▲  
YBHG. PROFESOR  
DATO' DR. ANSARY  
BIN AHMED

▲  
YBHG. TAN SRI  
DATO' DR. WAN  
MOHD ZAHID BIN  
MOHD NOORDIN


▲  
YDH. TOH MUDA  
ORANG KAYA BESAR  
MAHARAJA DIRAJA  
DATO' DR. SYED JAAFAR  
BIN SYED AZNAN

▲  
YBHG. ORANG-  
ORANG KAYA IMAM  
PADUKA TUAN  
DATO' DR. AFIFI AL-AKITI



## Setiausaha

YBHG. DATO' DR. SYED  
OMAR SHARIFUDDIN BIN  
SYED IKHSAN



# Informasi Korporat

---



## Visi

MENJADI INSTITUSI ISLAM YANG SYUMUL DALAM MEMACU KEMAJUAN DAN KESEJAHTERAAN UMMAH BERLANDASKAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH.

## Misi

MENINGKATKAN TARAF SOSIO-EKONOMI UMMAH  
MENERUSI PENGUKUHAN PENGURUSAN BAITULMAL  
YANG EFEKTIF DAN DINAMIK DAN MENGAMALKAN  
TADBIR URUS CEMERLANG BERLANDASKAN  
KETULUSAN, INTERGRITI DAN PROFESIONALISME  
YANG TINGGI.

## Objektif

MEMARTABKAN INSTITUSI ZAKAT MELALUI  
SISTEM PUNGUTAN DAN AGIHAN YANG  
BERKESAN.

MENTADBIR HARTA BAITULMAL DAN  
WAKAF BAGI TUJUAN MEMBANGUNKAN  
SOSIO-EKONOMI DAN MEMELIHARA  
KEMASLAHATAN UMMAH.

MENJANA KUALITI PERKHIDMATAN,  
BUDAYA KERJA CEMERLANG DAN  
DINAMIK SERTA PENGURUSAN  
KEWANGAN YANG SISTEMATIK  
DENGAN MEMANFAATKAN  
TEKNOLOGI MAKLUMAT  
DAN KOMUNIKASI  
SECARA MAKSIMUM.

# Senarai Jawatankuasa-Jawatankuasa Utama

## 1. Jawatankuasa Fatwa

### **PENGERUSI**

YABhg. SS.Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria

## 2. Jawatankuasa Pelaburan dan Pembangunan

### **PENGERUSI**

YABhg. Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini

## 3. Jawatankuasa Penggubalan Undang-Undang Syariah

### **PENGERUSI**

YB. Dato' Ahmad Kamal bin Md. Shahid

## 4. Jawatankuasa Audit

### **PENGERUSI**

YBhg. Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed

## 5. Jawatankuasa Pelantikan Pegawai MAIPK

### **PENGERUSI**

YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan

## 6. Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi

### **PENGERUSI**

YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan

## 7. Jawatankuasa Baitulmal Pertengahan

### **PENGERUSI**

YBrs. Encik Mohd Haidi bin Sulaiman

## Jawatankuasa Baitulmal Daerah

### DAERAH KUALA KANGSAR

#### PENGERUSI

YABhg. Orang Kaya Temenggong Paduka Raja  
Dato' Seri Wan Mohd. Fathir @ Wan Fadzir bin  
Wan Hussain

#### PENGERUSI BERSAMA

YBrs. Dr. Zulkapli bin Mohamed

### DAERAH TAIPING DAN SELAMA

#### PENGERUSI

YDH. Toh Muda Orang Kaya Menteri Paduka Tuan  
Encik Wan Mohd Isa bin Dato' Haji Wan  
Mohd Razali

#### PENGERUSI BERSAMA

YBhg. Dato' Harun bin Rawi

### DAERAH KERIAN

#### PENGERUSI

YDH. Toh Muda Orang Kaya-Kaya  
Laksamana Raja Mahkota  
Dato' Haji Meor Redwan bin Mahayudin

#### PENGERUSI BERSAMA

YBrs. Encik Kamaruddin bin Awang

### DAERAH TELUK INTAN

#### PENGERUSI

YBhg. Orang Kaya-Kaya Laksamana  
Raja Mahkota  
Dato' Seri Mohd. Amin Shukeri bin Dato' Ali Akbar

#### PENGERUSI BERSAMA

YBrs. Encik Shahril bin Dato' Ismail

### DAERAH PENGKALAN HULU, GERIK DAN LENGGONG

#### PENGERUSI

YDH. Toh Seri Bijaya Leftenan Kol. (B)  
Dato' Shahrudin bin Haji Nazari

#### PENGERUSI BERSAMA

YBrs. Encik Tahir bin Osman

## ALAMAT PEJABAT

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak  
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab  
30000 Ipoh, Perak

### DAERAH IPOH DAN BATU GAJAH

#### PENGERUSI

YBhg. Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta  
Seri Amar Bangsa Diraja  
Dato' Seri Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan

#### PENGERUSI BERSAMA

YBhg. Dato' Jamry bin Sury

### DAERAH SLIM RIVER DAN TAPAH

#### PENGERUSI

YBhg. Orang Kaya-Kaya Panglima Bukit Gantang  
Seri Amar Diraja  
Dato' Seri Yeop Junior bin Haji Yeop Adlan

#### PENGERUSI BERSAMA

YBrs. Tuan Haji Razali bin Bakar

### DAERAH SERI ISKANDAR DAN KG. GAJAH

#### PENGERUSI

YBhg. Orang Kaya-Kaya Setia Bijaya Diraja  
Dato' Seri Haji Mohd. Ghazali bin  
Haji Abd. Rahman

#### PENGERUSI BERSAMA

YBrs. Tuan Haji Mohd Roslan bin Mat Lodin

### DAERAH KAMPAR

#### PENGERUSI

YDH. Toh Paduka Indera  
Dato' Haji Zubairi bin Tajuddin

#### PENGERUSI BERSAMA

YBhg. Dato' Ismail bin Hassan

### DAERAH MANJUNG

#### PENGERUSI

YDH. Toh Muda Orang Kaya Kaya Panglima Kinta  
Seri Amar Bangsa Diraja  
Dato' Ab. Wahab bin Dato' Azizul Hassan


#### PENGERUSI BERSAMA

YBrs. Tuan Haji Zamari bin Mohd Ramli

## JURUAUDIT


Jabatan Audit Negara Malaysia  
Cawangan Negeri Perak  
Persiaran Meru Utama,  
Bandar Meru Raya  
30518 Ipoh, Perak

# Carta Institusi Agama Islam Negeri Perak





# Carta Organisasi



# Ibu Pejabat



**DATO' DR. SYED OMAR SHARIFUDDIN BIN SYED IKHSAN**  
*Ketua Pegawai Eksekutif*

**DATO' HAJI MOHAMAM NOR BIN MANSOR**  
*Penasihat Agama*

**ENCIK MOHD HAIDI BIN SULAIMAN**  
*Ketua Penolong Setiausaha*

**PUAN HAJAH WAN MAIZURA BINTI HAJI WAN ZAHARI**  
*Penolong Setiausaha Bahagian Hartanah dan Pelaburan*

**ENCIK BAKRI BIN LEE**  
*Penolong Setiausaha Bahagian Zakat*



**ENCIK ROHIZAN BIN HAJI OMAR**  
*Penolong Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan*

**ENCIK ARIFF BIN APANDI**  
*Penolong Setiausaha Bahagian Kewangan*

**ENCIK MUNAWIR BIN MOHAMED NOH**  
*Eksekutif Zakat (Promosi)*

**PUAN NOORWAHIDA BINTI ABU SEMAN**  
*Eksekutif Zakat (Agihan)*

**ENCIK SHAFUL NIZAM BIN NOT**  
*Eksekutif Hartanah*



**ENCIK MUHAMMAD FADHLI BIN ISMAIL**  
*Eksekutif Pelaburan*

**CIK ZALEHA BINTI WAN DIN**  
*Eksekutif Khidmat Pengurusan*

**PUAN NORFAZILAH BINTI BADAWI**  
*Eksekutif Perancangan Strategik dan Risiko*

**ENCIK WAN ABDUL HALIM HAFIDZ BIN MOHD AMIN**  
*Eksekutif Korporat*

**ENCIK AMIRUL ADZHIM BIN ZAINUL ANUAR**  
*Akauntan*

# Pegawai Baitulmal Daerah



▲  
**ENCIK MOHAMAD RAZIF  
BIN MOKHTAR**  
*Kg. Gajah*



▲  
**ENCIK AHMAD FADZIL  
BIN MUSTAFFA**  
*Seri Iskandar*



▲  
**ENCIK AHAMAD  
MUZAMMIL BIN ARBAIN**  
*Batu Gajah*



▲  
**ENCIK HAMDY BIN OTHMAN**  
*Kampar*



▲  
**ENCIK MUHAMMAD FAIZ  
BIN ZAKARIA**  
*Selama*



▲  
**ENCIK MOHD SAUFI  
BIN IBRAHIM**  
*Taiping*



▲  
**ENCIK NORAIZAD BIN ROSLI**  
*Bagan Serai*



▲  
**ENCIK S. DAUD BIN SHEHAMY**  
*Parit Buntar*



▲  
**ENCIK SUHAIMI BIN YUSOFF**  
*Kuala Kangsar*

# Pegawai Baitulmal Daerah



▲ **ENCIK ZULFADLI BIN BAHARUM**  
*Lenggong*



▲ **ENCIK AMIRUDIN BIN OSMAN**  
*Gerik*



▲ **ENCIK SAIFUL AZHAR  
BIN SARIBAN**  
*Pengkalan Hulu*



▲ **ENCIK DZULBAZLI BIN  
MAHAMD ALI**  
*Slim River*



▲ **ENCIK MOHD HAFIZIE  
BIN ABD KARIM**  
*Tapah*



▲ **ENCIK AHMAD NAZIM  
BIN MD. TAJURI**  
*Teluk Intan*




▲ **ENCIK MOHAMAD HAFIZI  
BIN MOHAMAH NOR**  
*Manjung*



▲ **ENCIK SHAMSUL ANUAR  
BIN ZAKARIA**  
*UTC Perak*

Prestasi Persidangan  
dan Jawatankuasa  
Utama MAIPk

---




## PERSIDANGAN MAIPK

Bilangan	Tarikh
01/2013	21 Februari 2013
02/2013	23 Mei 2013
03/2013	12 September 2013
04/2013	20 Disember 2013

## JAWATANKUASA UTAMA MAIPK

Bil.	Nama Jawatankuasa										
1.	Jawatankuasa Fatwa	BIL. 1/2013	BIL. 2/2013	BIL. 3/2013	BIL. 4/2013	BIL. 5/2013	BIL. 6/2013				
		21/1/2013	29/4/2013	9/7/2013	5/8/2013	3/10/2013	11-12/11/2013				
2.	Jawatankuasa Pelaburan & Pembangunan	BIL. 1/2013	BIL. 2/2013	BIL. 3/2013							
		2/4/2013	9/7/2013	24/10/2013							
3.	Jawatankuasa Penggubalan Undang-Undang Syariah	BIL. 1/2013									
		23-25/8/2013									
4.	Jawatankuasa Audit	BIL. 1/2013									
		2/8/2013									
5.	Jawatankuasa Pelantikan Pegawai MAIPK	BIL. 1/2013	BIL. 2/2013	BIL. 3/2013							
		18/1/2013	9/4/2013	11/7/2013							
6.	Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi	BIL. 1/2013	BIL. 2/2013	BIL. 3/2013	BIL. 4/2013	BIL. 5/2013	BIL. 6/2013	BIL. 7/2013	BIL. 8/2013	BIL. 9/2013	BIL. 10/2013
		1/1/2013	23/1/2013	6/2/2013	20/2/2013	6/3/2013	20/3/2013	3/4/2013	17/4/2013	8/5/2013	22/5/2013
7.	Jawatankuasa Baitulmal Pertengahan	BIL. 1/2013	BIL. 2/2013	BIL. 3/2013	BIL. 4/2013	BIL. 5/2013	BIL. 6/2013	BIL. 7/2013	BIL. 8/2013	BIL. 9/2013	BIL. 10/2013
		18/1/2013	8/2/2013	22/2/2013	28/2/2013	22/3/2013	2/4/2013	18/4/2013	30/4/2013	17/5/2013	31/5/2013

Kekerapan Mesyuarat											
BIL. 11/2013	BIL. 12/2013	BIL. 13/2014	BIL. 14/2014	BIL. 15/2014	BIL. 16/2014	BIL. 17/2014	BIL. 18/2014	BIL. 19/2014	BIL. 20/2014	BIL. 21/2014	BIL. 22/2014
12/6/2013	26/6/2013	5/7/2013	10/7/2013	25/9/2013	27/9/2013	10/10/2013	1/11/2013	8/11/2013	21/11/2013	12/12/2013	30/12/2013
BIL. 11/2013	BIL. 12/2013	BIL. 13/2014	BIL. 14/2014	BIL. 15/2014	BIL. 16/2014	BIL. 17/2014	BIL. 18/2014	BIL. 19/2014	BIL. 20/2014	BIL. 21/2014	
13/6/2013	9/7/2013	22/7/2013	31/7/2013	21/8/2013	6/9/2013	13/9/2013	4/10/2013	31/10/2013	15/11/2013	29/11/2013	





Bil.	Nama Jawatankuasa										
8.	Jawatankuasa Baitulmal Daerah										
i.	Kuala Kangsar	BIL. 1/2013	BIL. 2/2013	BIL. 3/2013	BIL. 4/2013	BIL. 5/2013	BIL. 6/2013	BIL. 7/2013	BIL. 8/2013		
		28/2/2013	15/4/2013	25/4/2013	9/5/2013	23/7/2013	11/9/2013	30/10/2013	25/11/2013		
ii.	Taiping	BIL. 1/2013	BIL. 2/2013	BIL. 3/2013	BIL. 4/2013	BIL. 5/2013	BIL. 6/2013	BIL. 7/2013	BIL. 8/2013	BIL. 9/2013	BIL. 10/2013
		12/3/2013	14/5/2013	23/5/2013	31/5/2013	6/6/2013	28/6/2013	11/9/2013	15/11/2013	24/12/2013	30/12/2013
iii.	Selama	BIL. 1/2013	BIL. 2/2013	BIL. 3/2013	BIL. 4/2013	BIL. 5/2013	BIL. 6/2013	BIL. 7/2013	BIL. 8/2013	BIL. 9/2013	BIL. 10/2013
		12/3/2013	14/5/2013	23/5/2013	31/5/2013	14/6/2013	28/6/2013	6/9/2013	15/11/2013	24/12/2013	30/12/2013
iv.	Kerian	BIL. 1/2013	BIL. 2/2013	BIL. 3/2013	BIL. 4/2013	BIL. 5/2013	BIL. 6/2013	BIL. 7/2013			
		8/2/2013	28/3/2013	30/4/2013	10/7/2013	29/8/2013	11/10/2013	22/11/2013			
v.	Teluk Intan	BIL. 1/2013	BIL. 2/2013	BIL. 3/2013	BIL. 4/2013						
		1/3/2013	29/4/2013	14/6/2013	26/11/2013						
vi.	Pengkalan Hulu	BIL. 1/2013	BIL. 2/2013	BIL. 3/2013	BIL. 4/2013	BIL. 5/2013	BIL. 6/2013	BIL. 7/2013	BIL. 8/2013	BIL. 9/2013	BIL. 10/2013
		13/2/2013	22/3/2013	25/4/2013	27/5/2013	28/6/2013	27/8/2013	30/9/2013	29/10/2013	27/11/2013	26/12/2013
vii.	Gerik	BIL. 1/2013	BIL. 2/2013	BIL. 3/2013	BIL. 4/2013	BIL. 5/2013	BIL. 6/2013	BIL. 7/2013	BIL. 8/2013	BIL. 9/2013	BIL. 10/2013
		13/2/2013	22/3/2013	25/4/2013	27/5/2013	20/6/2013	27/8/2013	30/9/2013	29/10/2013	27/11/2013	26/12/2013
viii.	Lenggong	BIL. 1/2013	BIL. 2/2013	BIL. 3/2013	BIL. 4/2013	BIL. 5/2013	BIL. 6/2013	BIL. 7/2013	BIL. 8/2013	BIL. 9/2013	BIL. 10/2013
		13/2/2013	22/3/2013	25/4/2013	27/5/2013	28/6/2013	27/8/2013	30/9/2013	29/10/2013	27/11/2013	26/11/2013
ix.	Ipoh	BIL. 1/2013	BIL. 2/2013	BIL. 3/2013	BIL. 4/2013	BIL. 5/2013	BIL. 6/2013	BIL. 7/2013	BIL. 8/2013	BIL. 9/2013	BIL. 10/2013
		30/1/2013	22/1/2013	21/3/2013	16/4/2013	30/4/2013	22/5/2013	14/6/2013	11/7/2013	28/8/2013	27/9/2013
x.	Batu Gajah	BIL. 1/2013	BIL. 2/2013	BIL. 3/2013	BIL. 4/2013	BIL. 5/2013	BIL. 6/2013	BIL. 7/2013	BIL. 8/2013	BIL. 9/2013	BIL. 10/2013
		30/1/2013	22/2/2013	21/3/2013	16/4/2013	30/4/2013	22/5/2013	14/6/2013	11/7/2013	28/8/2013	27/9/2013
xi.	Slim River	BIL. 1/2013	BIL. 2/2013	BIL. 3/2013	BIL. 4/2013	BIL. 5/2013	BIL. 6/2013	BIL. 7/2013	BIL. 8/2013	BIL. 9/2013	BIL. 10/2013
		30/1/2013	20/2/2013	17/4/2013	30/4/2013	22/5/2013	26/6/2013	29/7/2013	23/9/2013	28/10/2013	13/12/2013
xii.	Taph	BIL. 1/2013	BIL. 2/2013	BIL. 3/2013	BIL. 4/2013	BIL. 5/2013	BIL. 6/2013	BIL. 7/2013	BIL. 8/2013	BIL. 9/2013	BIL. 10/2013
		30/1/2013	20/2/2013	17/4/2013	30/4/2013	22/5/2013	26/6/2013	29/7/2013	23/9/2013	28/10/2013	13/12/2013
xiii.	Seri Iskandar	BIL. 1/2013	BIL. 2/2013	BIL. 3/2013	BIL. 4/2013	BIL. 5/2013	BIL. 6/2013				
		20/2/2013	11/3/2013	30/4/13	6/5/2013	17/7/2013	30/12/2013				
xiv.	Kg. Gajah	BIL. 1/2013	BIL. 2/2013	BIL. 3/2013	BIL. 4/2013	BIL. 5/2013					
		19/2/2013	11/4/2013	30/4/2013	17/7/2013	30/12/2013					
xv.	Kampar	BIL. 1/2013	BIL. 2/2013	BIL. 3/2013	BIL. 4/2013	BIL. 5/2013	BIL. 6/2013	BIL. 7/2013	BIL. 8/2013	BIL. 9/2013	BIL. 10/2013
		23/1/2013	27/2/2013	15/4/2013	30/4/2013	27/5/2013	26/6/2013	24/7/2013	30/8/2013	27/9/2013	30/10/2013
xvi.	Manjung	BIL. 1/2013	BIL. 2/2013	BIL. 3/2013	BIL. 4/2013	BIL. 5/2013	BIL. 6/2013	BIL. 7/2013	BIL. 8/2013	BIL. 9/2013	BIL. 10/2013
		1/1/2013	8/2/2013	15/4/2013	2/5/2013	28/6/2013	31/7/2013	30/8/2013	18/10/2013	30/10/2013	10/12/2013



Kekerapan Mesyuarat

BIL. 11/2013	BIL. 12/2013	BIL. 13/2013							
18/10/2013	20/12/2013	21/12/2013							
BIL. 11/2013	BIL. 12/2013								
18/10/2013	20/12/2013								
BIL. 11/2013	BIL. 12/2013								
25/11/2013	24/12/2013								
BIL. 11/2013									
31/12/2013									





# Laporan Operasi

---

## PENERUSAN MOMENTUM PUNGUTAN ZAKAT

Pencapaian pungutan zakat dengan jumlah RM109.82 juta pada tahun 2013 oleh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) merupakan kejayaan kali kedua bagi pungutan zakat melebihi seratus juta selepas tahun 2012. Peningkatan sebanyak 8.27 peratus berbanding RM100.73 juta pada tahun 2012 menggambarkan kesedaran

masyarakat Islam dalam aspek pembayaran zakat pada tahap yang membanggakan. MAIPk terus diberi kepercayaan untuk mengagihkan dana zakat kepada para asnaf yang layak. Berikut adalah hasil pungutan zakat secara perbandingan tahun 2012 dan 2013 mengikut jenis harta :

**Jadual 1 : Perbandingan Pungutan Zakat Mengikut Tahun dan Jenis Zakat**

Jenis Zakat	Tahun 2013	Tahun 2012	Perbandingan
Zakat Fitrah	8,023,402	7,976,981	0.58%
Zakat Harta	58,539,006	47,915,079	18.15%
Zakat Perniagaan	40,015,127	42,912,609	(7.24%)
Zakat Tanaman	3,247,608	1,934,378	40.44%
Jumlah	109,825,143	100,739,047	8.27%

Angka dan data yang ditunjukkan pada Jadual 1 di atas adalah pencapaian jumlah pungutan zakat mengikut jenis di Negeri Perak. Maklumat serta rekod yang lebih terperinci boleh diperhatikan mengikut cawangan MAIPk pada Jadual 2 di bawah. Pada tahun 2013, Daerah Manjung mencatat rekod pungutan zakat yang tertinggi berbanding cawangan-cawangan yang

lain seperti Taiping dan Teluk Intan selain daripada Ibu Pejabat. Selain itu, pungutan zakat cawangan MAIPk di UTC Perak menunjukkan prestasi yang membanggakan. Tahun pertama penubuhannya telah berjaya memungut zakat berjumlah RM1.23 juta mengatasi cawangan-cawangan MAIPk yang lain.

**Jadual 2 : Pungutan Zakat Tahun 2013 Mengikut Cawangan MAIPk**

Bil.	Cawangan MAIPk	Fitrah	Perniagaan	Tanaman	Harta	Jumlah Pungutan
1.	Ibu Pejabat	1,861,440.00	35,059,890.34	2,142,988.34	36,271,809.60	75,336,128.28
2.	Bagan Serai	351,071.00	147,726.08	240,601.32	596,459.22	1,335,857.62
3.	Batu Gajah	214,361.00	41,566.38	53.65	1,298,801.51	1,554,782.54
4.	Gerik	295,239.00	177,211.71	68.00	710,036.00	1,182,554.71
5.	Kampar	230,027.00	38,171.76	955.35	719,380.02	988,534.13
6.	Kg. Gajah	201,453.00	460,708.51	295,678.48	517,271.88	1,475,111.87

7.	K. Kangsar	607,250.00	486,120.11	10,974.50	2,377,313.85	3,481,658.46
8.	Lenggong	103,203.00	123,850.09	175.00	327,466.23	554,694.32
9.	Manjung	912,198.00	752,704.77	6,770.80	3,355,792.03	5,027,465.60
10.	Parit Buntar	325,318.00	237,470.00	173,187.20	1,054,771.83	1,790,747.03
11.	Pkln. Hulu	92,008.00	60,952.00	0.00	197,043.29	350,003.29
12.	Selama	177,261.00	26,861.24	462.40	268,735.70	473,320.34
13.	Seri Iskandar	314,867.00	304,943.81	95,473.95	1,461,541.43	2,176,826.19
14.	Slim River	237,811.00	115,169.49	1,620.00	810,770.10	1,165,370.59
15.	Taiping	1,006,523.00	405,305.71	5,518.20	3,349,525.14	4,766,872.05
16.	Tapah	394,023.00	278,071.92	3,463.80	1,545,939.94	2,221,498.66
17.	Teluk Intan	699,349.00	1,186,648.23	268,301.05	2,555,321.77	4,709,620.05
18.	UTC	0.00	111,755.00	1,316.00	1,121,026.83	1,234,097.83
Jumlah		8,023,402.00	40,015,127.15	3,247,608.04	58,539,006.37	109,825,143.56

## Kepelbagaian Dakwah Dan Promosi Zakat

Pelbagai pendekatan dan kaedah dakwah dilaksanakan bagi mempromosikan zakat kepada masyarakat di Negeri Perak. Antara program dan pendekatan baharu yang dilaksanakan ialah pelancaran kempen 2T (Tukar dan Taksir). Kempen ini dilancarkan pada 22 Jun 2013 oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK dengan tujuan memaklumkan kepada pembayar zakat sedia ada untuk menaksir semula zakat dan menukar kepada amaun pembayaran terkini. Selain itu, kempen ini turut menyasarkan kepada masyarakat untuk membuat pembayaran zakat melalui potongan gaji tanpa perlu hadir ke kaunter-kaunter MAIPK.

Pencapaian pungutan zakat di Perak turut dibantu oleh ejen-ejen lantikan MAIPK dari pelbagai agensi. Antaranya Lembaga Air Perak iaitu agensi kerajaan yang dilantik sebagai ejen pungutan zakat yang

baharu pada tahun 2013. Kini, sebanyak 20 agensi kerajaan dan swasta yang telah dilantik sebagai ejen bagi mewakili pihak MAIPK dalam urusan pungutan zakat.

Kejayaan pelantikan dan pertambahan ejen MAIPK yang baharu banyak membantu dan membawa kepada peningkatan pembayar zakat baharu dan sekaligus memberi impak positif kepada peningkatan pungutan zakat di Negeri Perak. Pembayaran zakat melalui potongan gaji antara penyumbang terbesar kepada jumlah pungutan zakat di Perak selain Zakat Perniagaan dan Harta. Pada tahun 2013, jumlah pungutan zakat melalui kaedah ini berjaya mengumpul sebanyak RM17.19 juta dengan bilangan pembayar seramai 16,434 orang berbanding bilangan pembayar zakat tahun 2012 iaitu 12,857 orang. Berlaku pertambahan pembayar zakat sebanyak 3,577 orang pada tahun 2013.

Bagi memantapkan pengurusan zakat di Negeri Perak, pihak MAIPk berusaha membuat penambahbaikan dan pembaharuan melalui penyediaan undang-undang atau peraturan berkaitan zakat yang komprehensif dan menyeluruh. Undang-undang dan peraturan

sebagaimana yang ditunjukkan pada Jadual 3 di bawah sedang dikemas kini dan digubal bagi memastikan pelaksanaannya benar-benar memberi kesan yang positif terhadap pengurusan zakat di Negeri Perak.

**Jadual 3 : Penyediaan Undang-Undang Berkaitan Zakat Oleh MAIPk**

Bil.	Penyediaan Undang-undang Zakat
1.	Enakmen Zakat 2013
2.	Peraturan Amil 2013
3.	Peraturan Zakat dan Fitrah 2013

## PEMERKASAAN PENGURUSAN AGIHAN ZAKAT

Penetapan dan pelaksanaan agihan zakat pada tahun 2013 buat pertama kalinya dibentuk berdasarkan pendekatan Bajet Berasaskan *Outcome (Outcome Based Budgeting - OBB)*. Pendekatan ini diguna pakai untuk membentuk halatuju agihan yang lebih jelas dan mapan untuk asnaf-asnaf zakat. Melalui pendekatan ini, impak dan keberkesanan agihan diutamakan berbanding perbelanjaan dan *output*.

Agihan pada tahun 2013 disasarkan berlaku peningkatan berbanding tahun 2012. Agihan MAIPk pada tahun 2013 berjumlah RM101.64 juta membabitkan lebih 50 skim bantuan. Jumlah ini menunjukkan peningkatan RM19.55 juta berbanding tahun 2012. Jadual 4 di bawah menunjukkan jumlah agihan mengikut asnaf-asnaf.

**Jadual 4 : Jumlah Agihan Mengikut Asnaf**

Bil.	Asnaf	Agihan (RM)	
		2012	2013
1.	Amil	10,901,251	13,495,035
2.	Fakir dan Miskin	46,033,000	54,300,221
3.	Muallaf	2,884,435	4,819,459
4.	Ghorimin	473,393	951,880
5.	Ibnu Sabil	615,388	621,514
6.	Fisabilillah	21,186,275	27,453,684
Jumlah		82,093,742	101,641,793

MAIPk mengagihkan dana zakat secara langsung atau tidak langsung kepada asnaf-asnaf seperti mana yang termaktub dalam Al-Quran. Skim-skim bantuan yang disediakan ini menyasarkan golongan yang produktif atau golongan yang tidak produktif. Antara skim-skim bantuan yang tersohor ialah Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Persekolahan, Bantuan Perubatan, Bantuan Rawatan Hemodialisis, Bantuan Bina Rumah, Bantuan Baik Pulih Rumah, Bantuan Am Pelajaran dan Dermasiswa.

Saban tahun, kos keperluan asas harian meningkat. Kebajikan penerima-penerima bantuan bulanan tidak diabaikan apabila agihan Bantuan Kewangan Bulanan pada tahun 2013 telah meningkat kepada RM16.75 juta berbanding RM15.61 juta pada tahun 2012. Terdapat dari kalangan penerima bantuan bulanan yang produktif menerima Bantuan Modal agar mereka dapat berusaha menambah pendapatan sedia ada. Golongan ini turut dibantu dengan kursus-kursus keusahawanan agar perniagaan yang diceburi dapat berkembang dengan baik.

Kepentingan asnaf memiliki rumah yang selesa dan dapat melindungi penghuninya dari sebarang bahaya dicakna oleh MAIPk. Pada tahun 2013, MAIPk meluluskan bantuan bina rumah kepada 177 penerima di seluruh Negeri Perak dengan agihan RM4.94 juta. Selain itu, 373 penerima menerima bantuan baik pulih rumah RM3.86 juta. MAIPk bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi menyempurnakan agihan bina dan baik pulih rumah-rumah tersebut.

Di samping itu, agihan untuk Bantuan Hemodialisis turut meningkat kepada RM15.63 juta berbanding RM12.34 juta pada tahun 2012. Bantuan ini yang diwujudkan bagi membantu para pesakit buah pinggang yang memerlukan rawatan dialisis di pusat-pusat dialisis berdaftar sebagai panel rawatan MAIPk. Jadual 5 menunjukkan taburan pusat rawatan hemodialisis yang telah dilantik sebagai panel MAIPk mengikut cawangan pentadbiran.

**Jadual 5 : Senarai Pusat Rawatan Hemodialisis (Panel MAIPk) sehingga 2013**

Bil.	Pusat Rawatan Di Daerah	Bil. Pusat Rawatan
1.	Ipoh	9
2.	Taiping	3
3.	Kuala Kangsar	1
4.	Teluk Intan	4
5.	Batu Gajah	2
6.	Manjung	2
7.	Bagan Serai	2
8.	Kampar	2
9.	Tapah	1
10.	Seri Iskandar	1
Jumlah		27

Sehingga kini, pihak MAIPk telah melantik 27 buah pusat rawatan sebagai panel rawatan MAIPk bagi memudahkan para pesakit mendapatkan rawatan hemodialisis mengikut lokasi pilihan yang berdekatan dengan tempat tinggal. Kos rawatan dialisis yang tinggi boleh menyebabkan seseorang dikategorikan sebagai individu miskin. Berikut

merupakan rekod bantuan hemodialisis dari tahun 2010 sehingga 2013 yang menunjukkan berlakunya peningkatan bilangan pesakit saban tahun. Permohonan-permohonan daripada masyarakat yang memerlukan bantuan hemodialisis disiasat dengan teliti dan menyeluruh.

**Jadual 6 : Statistik Penerima Bantuan Hemodialisis 2010 - 2013**

Tahun	Jumlah Penerima (Orang)	Jumlah Bantuan (RM)
2010	403	8.34 juta
2011	494	10.2 juta
2012	538	13.56 juta
2013	612	15.63 juta

Pendidikan merupakan faktor utama bagi mengangkat nilai dan status masyarakat. Para cendekiawan Islam meletakkan individu yang terlibat dalam dunia pendidikan layak menerima zakat di bawah asnaf Fisabilillah. Antara skim agihan yang disediakan oleh MAIPk di bawah asnaf Fisabilillah ialah Bantuan Am Pelajaran (Pendaftaran Masuk Ke IPT), Dermasiswa Pengajian Dalam dan Luar Negara, Bantuan Per-Kapita Sekolah Agama Rakyat dan penyediaan Guru Al-Quran.

Skim Dermasiswa Pengajian Luar dan Dalam Negara diwujudkan bagi membantu meringankan beban pembiayaan kos pengajian di peringkat institusi pengajian tinggi khususnya pengajian yang melibatkan bidang Pengajian Islam. Skim ini di bawah peruntukan asnaf Fisabilillah diberi

keutamaan kepada golongan yang kurang berkemampuan dan tidak menerima pinjaman pelajaran atau biasiswa dari agensi-agensi lain. Pada tahun 2013, 1,047 orang pelajar dengan perbelanjaan RM2.68 juta telah diagihkan untuk bantuan Dermasiswa Pengajian Dalam Negara manakala seramai 786 orang menerima bantuan Dermasiswa Pengajian Luar Negara dengan perbelanjaan RM6.75 juta.

Pengajian luar negara membabitkan pelajar di Mesir 428 orang, Jordan 225 orang, Indonesia 103 orang, Yaman 19 orang, Maghribi tujuh orang, Afrika Selatan tiga orang dan seorang di Russia. Jadual 7 menunjukkan statistik penerima bantuan Dermasiswa Pengajian Luar Negara bagi tahun 2010 hingga 2013.

**Jadual 7 : Statistik Penerima Bantuan Dermasiswa Pengajian Luar Negara Bagi Tahun 2010 - 2013**

Tahun	Jumlah Penerima (Orang)	Jumlah Bantuan (RM)
2010	760	4.42 juta
2011	820	4.83 juta
2012	1,061	5.2 juta
2013	786	6.75 juta

Pada tahun 2013, pihak MAIPk turut menambah baik bentuk bantuan para asnaf dengan meningkatkan pendapatan isi rumah tanpa bergantung kepada bantuan bulanan sahaja. Satu skim iaitu Skim Bantuan Modal telah disediakan dengan menggalakkan para asnaf untuk berdikari dan berusaha meningkatkan pendapatan melalui aktiviti perekonomian yang melibatkan aktiviti perniagaan, pertanian, perikanan, penternakan dan perkhidmatan. Skim ini berlandaskan konsep memberi kail, bukan ikan.

Berpandukan kepada Jadual 8 di bawah, jumlah penerima Bantuan Modal Perniagaan pada tahun 2012 adalah sebanyak 174 orang dan meningkat kepada 191 orang penerima pada tahun 2013. Jumlah agihan juga turut meningkat daripada RM0.85 juta pada tahun 2012 kepada RM1.21 juta bagi tahun 2013.

**Jadual 8 : Statistik Penerima Bantuan Modal Perniagaan Bagi Tahun 2010 - 2013**

Tahun	Jumlah Penerima (Orang)	Jumlah Bantuan (RM)
2010	60	0.51 juta
2011	321	0.63 juta
2012	174	0.86 juta
2013	191	1.21 juta

### Pengukuhan Asnaf Melalui Kemahiran

Usaha pemerksaan asnaf diteruskan bagi kali kedua selepas kali pertama pada tahun 2012 melalui konsep penerapan ilmu kemahiran kepada asnaf. Penyediaan kursus-kursus serta program berkaitan Skim Latihan dan Kemahiran Asnaf kepada golongan sasar terutama anak-anak asnaf yang tidak dapat melanjutkan pengajian lebih tinggi dalam bidang akademik

bagi memajukan diri dalam bidang latihan kemahiran berkaitan. Antara program yang telah dijalankan pada tahun 2013 ialah Kursus Penyediaan Kek dan Pastri, Kursus Terapi Kecantikan dan Perbidanan, Kursus Juruelektik, Kursus Asas Penyediaan Makanan dan Kursus Jahitan. Jadual 9 menunjukkan beberapa skim kemahiran yang telah disediakan oleh pihak MAIPk dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan.



**Jadual 9 : Program Kemahiran Pemerkasaan Asnaf**

Jenis Kursus	Jumlah Peserta (Orang)	Tempat Pengajian	Tahap Pengajian
Kursus Penyediaan Kek dan Pastri	8	Pusat Latihan Sweet Bakery, Kamunting, Perak	Sijil Kemahiran Malaysia (Tahap 1 dan 2)
Kursus Terapi Kecantikan dan Perbidanan	8	Pusat Kecantikan Toko Impian, Ipoh Jaya, Perak	Sijil Kemahiran Malaysia (Tahap 1 dan 2)
Kursus Juruelektrik	15	ILLIC Management & Technical Academy, Bercham, Perak	Sijil Kemahiran Malaysia (Tahap 1 dan 2)
Kursus Jahitan	10	Koleksi Fitrah Wanita, Taman Klebang Ria, Perak	Kemahiran Asas Jahitan
Kursus Amalan Penyediaan Makanan	16	ILLIC Management & Technical Academy, Bercham, Perak	Sijil Kemahiran Malaysia (Tahap 1 dan 2)
Kursus Jahitan Pakaian Wanita	7	ILLIC Management & Technical Academy, Bercham, Perak	Sijil Kemahiran Malaysia (Tahap 1 dan 2)

### Mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal MAIPk

Bagi memastikan pengagihan yang tepat dan berkesan, permohonan-permohonan bantuan dibincang dalam tiga peringkat jawatankuasa MAIPk iaitu Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi (JKBMT), Jawatankuasa Baitulmal Pertengahan

(JKMBP) dan Jawatankuasa Baitulmal Daerah (JKBMD). Setiap jawatankuasa mempunyai keahlian serta skop kelulusan yang tertentu. Jadual 10 menunjukkan bilangan mesyuarat jawatankuasa baitulmal yang telah diadakan pada tahun 2013.

**Jadual 10 : Bilangan Mesyuarat Mengikut Peringkat Jawatankuasa**

Peringkat Mesyuarat	JKBMT	JKBMP	JKBMD	Jumlah
Bilangan Mesyuarat	22	21	153	196

Pada tahun 2013, lebih daripada 40 ribu permohonan pelbagai skim bantuan diproses dari peringkat siasatan sehinggalah kepada dibuat pertimbangan dalam jawatankuasa MAIPk yang berkaitan. Sebanyak 196 kali mesyuarat telah diadakan pada tahun 2013 bagi mengagihkan dana zakat di Negeri Perak. Ini menggambarkan

bahawa keberkesanan dan kecekapan jawatankuasa-jawatankuasa MAIPk terbukti dalam keadaan prestasi yang terbaik bagi mengagihkan dana-dana zakat kepada asnaf-asnaf yang layak agar kebajikan masyarakat Islam di Negeri Perak terus terpelihara.

**Jadual 11 : Jumlah Permohonan Bantuan Diproses Mengikut Cawangan MAIPk**

Jenis Bantuan Caw. MAIPk	Sara Diri	Sekolah	Rumah	Modal	Perubatan	Keceemasan	Ghorimin	Bantuan Am Pelajaran	Bencana	Muallaf	Ibnu Sabil	Anak Yatim	Jumlah
	Ibu Pejabat	1,871	2,017	36	136	207	1,991	116	2,204	11	108	309	0
Bagan Serai	535	2,171	141	17	10	3	12	688	4	0	0	0	<b>3,581</b>
Batu Gajah	210	810	28	19	8	132	18	442	11	7	7	0	<b>1,692</b>
Gerik	111	508	65	6	6	78	2	339	0	0	12	2	<b>1,129</b>
Kampar	182	836	149	25	5	147	8	330	6	2	0	1	<b>1,691</b>
Kg. Gajah	80	184	61	14	7	205	0	325	0	0	3	0	<b>879</b>
K. Kangsar	170	1,357	167	50	48	172	21	1,131	11	1	28	0	<b>3,156</b>
Lenggong	58	886	57	9	1	35	2	156	0	0	4	0	<b>1,208</b>
Manjung	296	2,144	48	157	21	81	10	486	1	4	10	1	<b>3,259</b>
Parit Buntar	295	1,352	136	36	37	0	5	642	3	0	22	0	<b>2,528</b>
Pkln. Hulu	40	410	23	3	25	52	2	101	0	3	0	0	<b>659</b>
Selama	107	516	98	6	10	0	1	307	31	2	3	3	<b>1,084</b>
Seri Iskandar	90	577	73	15	29	15	6	463	5	1	5	3	<b>1,282</b>
Slim River	49	6	3	5	0	50	3	167	0	0	0	0	<b>283</b>
Taiping	866	1,078	131	49	45	107	19	1,848	11	8	67	8	<b>4,237</b>
Tapah	142	790	64	14	15	146	13	535	7	7	1	0	<b>1,734</b>
Teluk Intan	456	270	148	76	35	116	24	803	6	7	24	37	<b>2,002</b>
<b>Jumlah</b>	<b>5,558</b>	<b>15,912</b>	<b>1,428</b>	<b>637</b>	<b>509</b>	<b>3,330</b>	<b>262</b>	<b>10,967</b>	<b>107</b>	<b>150</b>	<b>495</b>	<b>55</b>	<b>39,410</b>

## PEMANTAPAN HARTA WAKAF DAN MAL

Perancangan Strategik MAIPk 2012-2016 menggariskan satu teras strategik berkaitan dengan harta wakaf dan mal iaitu Pengukuhan Pengurusan, Pembangunan dan Pelaburan Harta. Di bawah teras strategik ini mengandungi Bidang Keberhasilan Utama (KRA) berkaitan penghasilan pangkalan data yang komprehensif. Sistem pangkalan data yang komprehensif dapat memastikan kesinambungan perjalanan pengurusan harta wakaf dan mal berjalan dengan lancar.

MAIPk mewujudkan Program Perolehan Maklumat Lengkap bagi menyasarkan 1,800 lot wakaf setahun di seluruh Negeri Perak. Program ini dijayakan dengan kerjasama daripada pihak Pentadbir Tanah Daerah, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau, Pengurusan Sekolah Agama Rakyat dan Jawatankuasa Tanah Perkuburan Islam. Semua maklumat yang diperolehi didaftarkan serta dikemaskini dalam sistem pangkalan data yang dikenali sebagai sistem E-Hartanah. Dokumen yang berkaitan turut dimuat naik ke dalam sistem

tersebut bagi mempercepat dan memudahkan proses penyediaan maklumat untuk pembuatan keputusan. Bagi merealisasikan migrasi data ini, 17 cawangan MAIPk di seluruh Negeri Perak

bertanggungjawab mendapatkan maklumat yang lengkap bagi harta wakaf di daerah masing-masing dan seterusnya melaksanakan migrasi data berbentuk manual kepada sistem.

**Jadual 12 : Jumlah Lot Tanah Wakaf Yang Didaftarkan Mengikut Cawangan MAIPk Seluruh Negeri Perak sehingga Tahun 2013**

Bil.	Daerah	Masjid	Surau	SAR	Tanah Perkuburan Islam	Am	Jumlah
1.	Ipoh	107	161	57	29	66	420
2.	Teluk Intan	149	29	64	10	8	260
3.	Kuala Kangsar	64	20	44	21	21	170
4.	Taiping	59	49	36	10	5	159
5.	Bagan Serai	64	29	30	27	3	153
6.	Parit Buntar	33	29	29	20	11	122
7.	Gerik	32	9	19	30	9	99
8.	Kampung Gajah	82	3	10	0	2	97
9.	Selama	33	9	13	31	7	93
10.	Lenggong	27	12	15	24	7	85
11.	Seri Iskandar	41	9	24	4	3	81
12.	Pengkalan Hulu	14	16	20	20	4	74
13.	Manjung	20	9	17	15	8	69
14.	Batu Gajah	13	21	3	5	14	56
15.	Kampar	24	11	5	15	1	56
16.	Slim River	14	12	9	10	9	54
17.	Tapah	15	3	5	7	7	37
Jumlah		791	431	400	278	185	2,085

Bagi memastikan semua kandungan data di dalam sistem sentiasa tepat, data bagi setiap lot dalam mana-mana fail tanah mestilah merangkumi empat elemen wajib iaitu laporan tanah, pelan tanah, hakmilik/warta dan gambar. Selain perolehan maklumat ini, MAIPk juga dapat memperkasa usaha untuk menyemak kedudukan sebenar status harta wakaf. Dengan

keberkesanan pemantapan pengurusan fail dan rekod hartanah, MAIPk berjaya menyelesaikan isu dan masalah yang timbul secara berperingkat melalui Mesyuarat Pemantauan Tanah yang dianggotai oleh semua Pentadbir Tanah Daerah, Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG).

**Jadual 13 : Isu Dan Masalah Status Tanah Wakaf**

Bil.	Perkara
1.	Tanah yang dirizabkan oleh PBT dan belum diwartakan kepada MAIPk.
2.	Warta-warta lama yang masih dikawal oleh Penghulu Mukim, Ketua Kampung atau Kadhi Daerah.
3.	Tanah yang diwakaf secara lisan dan tiada pembuktian apa-apa dokumen.
4.	Tanah wakaf masih milik individu yang telah meninggal dunia dan tiada waris.
5.	Tanah Wakaf Irsod yang dikurniakan kerajaan terlibat dengan penerokaan, pencerobohan atau pendudukan haram.
6.	Tanah wakaf bagi tujuan tertentu dibangunkan dengan tujuan jenis wakaf yang lain.
7.	Tanah wakaf didirikan dewan orang ramai, gelanggang futsal, jalanraya dan perpustakaan desa tanpa kebenaran MAIPk serta melanggar syarat tujuan niat pewakaf.

### Prestasi Pungutan Sumber Am dan Wakaf

Sejak sekian lama, hasil sumber am telah menjadi salah satu daripada sumber utama MAIPk selain dana zakat bagi pelaksanaan program-program peningkatan sosio-ekonomi umat Islam di Negeri Perak. Sumber ini diperolehi daripada hasil sewaan harta-harta baitulmal termasuk Kompleks Islam Darul Ridzuan (KIDR) dan sumber-sumber lain seperti keuntungan pelaburan patuh syariah dan hasil pembahagian *faraid*.

Pada tahun 2013, pungutan sumber am telah mencatat peningkatan sebanyak 9.86 peratus kepada RM8.21 juta berbanding tahun 2012. Berdasarkan Jadual di bawah, sewaan harta-harta baitulmal termasuk KIDR menyumbang kepada 30.39 peratus daripada keseluruhan pungutan sumber am bagi tahun 2013. Selain KIDR, terdapat harta baitulmal meliputi premis dan tanah yang disewakan di seluruh Negeri Perak.

**Jadual 14 : Pungutan Sumber Am Tahun 2013**

Bil.	Perkara	Amaun (RM)
1.	Sewaan KIDR Dan Harta-Harta Lain	2,496,080
2.	Pendapatan Am	1,142,880
3.	Pendapatan-pendapatan lain	4,575,207
Jumlah		8,214,167

**Jadual 15 : Bilangan Premis Baitulmal Yang Disewakan**

Bil.	Lokasi	Bilangan Premis
1.	Ipoh	42
2.	Kampar	8
3.	Taiping	4
4.	Bagan Serai	2
5.	Gerik	4
Jumlah		60

**Jadual 16 : Bilangan Tanah Baitulmal Yang Disewakan**

Bil.	Daerah	Bilangan Lot Tanah
1.	Kinta	1
2.	Hulu Perak	2
3.	Kerian	5
4.	Larut, Matang & Selama	2
5.	Kuala Kangsar	2
6.	Perak Tengah	4
7.	Hilir Perak	6
8.	Batang Padang	3
Jumlah		25

Bagi sumber wakaf, pungutan pada tahun 2013 RM0.9 juta. Hasil wakaf sebahagian besarnya diperolehi daripada sewaan harta-harta wakaf

di seluruh Negeri Perak merangkumi premis dan tanah.

**Jadual 17 : Bilangan Premis Wakaf Yang Disewakan**

Bil.	Lokasi	Bil. Premis Yang Diwakafkan	Bil. Premis Yang Disewakan
1.	Ipoh	66	59
2.	Taiping	29	21
3.	Kuala Kangsar	11	10
4.	Bagan Serai	4	4
5.	Manjung	1	1
6.	Tapah	2	1
7.	Teluk Intan	5	5
8.	Slim River	5	5
Jumlah		123	106

**Jadual 18 : Bilangan Lot Tanah Wakaf Yang Disewakan**

Bil.	Daerah	Bilangan Lot Tanah Yang Disewakan
1.	Kinta	22
2.	Hulu Perak	5
3.	Kerian	5
4.	Larut, Matang & Selama	10
5.	Kuala Kangsar	7
6.	Perak Tengah	9
7.	Manjung	4
8.	Hilir Perak	10
9.	Batang Padang	7
Jumlah		79

Mulai Mei 2013, MAIPk telah mengorak langkah untuk memperkenalkan Skim Wakaf Tunai. Tujuan utama pewujudan pungutan wakaf dalam bentuk tunai ini adalah untuk memberi peluang kepada umat Islam bagi memperluaskan pelaksanaan ibadah dalam ruang lingkup kemampuan masing-masing tanpa perlu membuat pewakafan dengan aset kekal. Kendatipun inisiatif ini baru diwujudkan dan belum dilaksanakan promosi secara besar-besaran, MAIPk telah berjaya mengutip sejumlah RM147 ribu wakaf tunai di seluruh Negeri Perak yang melibatkan 95 orang pewakaf wakaf tunai pada tahun 2013.

Hasil pungutan wakaf tunai ini akan digunakan bagi pembelian atau pembangunan aset kekal baharu yang dilihat mampu memberi pulangan yang optimum pada masa akan datang. Secara tidak langsung, ia akan membantu perkembangan wakaf terutamanya melalui institusi masjid, surau dan seumpamanya. Di samping itu, umat Islam di Negeri Perak mendapat banyak manfaat daripada pelaksanaan wakaf tunai.

Bagi menjamin peningkatan berterusan hasil sumber am dan wakaf pada masa akan datang, MAIPk telah melaksanakan suntikan modal tambahan kepada anak syarikat MAIPk iaitu PKEINPk Sdn. Bhd. (PSB). Suntikan modal tambahan berjumlah RM13.73 juta adalah untuk mengembangkan bidang perniagaan kumpulan MAIPk dalam sektor pembangunan hartanah termasuk hartanah-hartanah milik MAIPk selain daripada bidang perkhidmatan kesihatan dan perubatan serta perladangan yang sedang diusahakan. Pada masa yang sama, hasil sumber am dan wakaf akan meningkat pada masa akan datang.

## PELABURAN

Pelaburan yang dijalankan oleh MAIPk merupakan pelaburan yang berasaskan prinsip patuh Syariah di mana jumlah pelaburan telah meningkat sebanyak RM67.7 juta pada tahun 2013 berbanding tahun 2012. Pada tahun 2013, keseluruhan pelaburan MAIPk mencecah RM164.98 juta. Daripada jumlah pelaburan tersebut, RM6.86 juta merupakan

pelaburan portfolio saham ekuiti, RM35.39 juta merupakan pelaburan dalam saham sekuriti, RM109 juta pula merupakan pelaburan di bawah Skim *Al-Mudharabah* iaitu berbentuk simpanan tetap yang berlandaskan prinsip patuh Syariah

dan selebihnya RM13.73 juta lagi merupakan suntikan penambahan modal saham kepada anak syarikat milik penuh MAIPk iaitu PKEINPK Sdn. Bhd. (PSB).

**Jadual 22 : Pelaburan MAIPk Pada Tahun 2013**

Jenis Pelaburan	2013 (RM)	2012 (RM)	Peratusan Kenaikan
Pelaburan Syarikat Subsidiari	13,733,000	1	100%
Pelaburan Saham Ekuiti	6,855,600	3,714,000	46%
Pelaburan saham Sekuriti	35,392,352	24,061,506	32%
Pelaburan Skim Al-Mudharabah	109,000,000	69,507,814	36%

Keseluruhan pelaburan ini telah berjaya mencapai dan memberi pulangan keuntungan kepada MAIPk sebanyak RM5.12 juta. Peningkatan keuntungan sebanyak RM1.82 juta berbanding tahun 2012 dapat membantu MAIPk meneruskan agenda pembangunan sosio-ekonomi ummah di Negeri Perak.

## SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG BERKUALITI

Memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan awam merupakan antara agenda utama MAIPk dalam usaha memenuhi harapan dan kehendak pelanggan yang sentiasa menuntut perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti. MAIPk sentiasa meningkatkan tahap prestasi sistem penyampaian perkhidmatan agar sentiasa cekap, pantas, berintegriti dan mesra pelanggan. Di samping itu, penyampaian perkhidmatan yang berkualiti memberi kesan terhadap penyempurnaan perkhidmatan zakat, wakaf dan mal.

Pada bulan Jun 2013, MAIPk Daerah Seri Iskandar telah berpindah ke bangunan baharu. Perpindahan pejabat ini selaras dengan usaha

pengkorporatan identiti pejabat MAIPk di seluruh negeri di samping memudahkan masyarakat untuk berurusan dengan MAIPk. Selain itu, sebuah pejabat lama yang tidak digunakan dinaik taraf dan diubah suai menjadi selesa, kemas dan lebih selamat untuk pekhidmat-pekhidmat MAIPk Daerah Selama berkhidmat. Pejabat ini turut diterapkan imej korporat MAIPk.

Bagi memenuhi tuntutan dan harapan tinggi para *stakeholders* terhadap MAIPk, Pelan Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP) diwujudkan oleh MAIPk sebagai salah satu usaha proaktif untuk memastikan pendekatan yang menyeluruh dilaksanakan bagi mengatasi gangguan ke atas aktiviti penyediaan perkhidmatan MAIPk dan melindungi aktiviti daripada kesan bencana serta pemulihan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan.

Pelan PKP MAIPk meliputi segala sumber, proses dan peranan dan tanggungjawab semua pihak terlibat yang diperlukan sebelum, semasa dan selepas sesuatu gangguan terhadap sistem penyampaian perkhidmatan. Pelan ini didokumenkan, diuji dan dikaji semula secara berkala sekurang-kurangnya sekali dalam setahun

atau apabila terdapat sebarang perubahan dalam persekitaran MAIPk. Pelan PKP MAIPk melibatkan proses perancangan, tindakan yang perlu dilaksanakan untuk membaik pulih fungsi-fungsi kritikal MAIPk dalam tempoh yang ditetapkan

bagi menghadapi keadaan atau suasana yang tidak dijangka. Pelan ini juga menyediakan garis panduan kepada MAIPk bagi meminimumkan kesan daripada gangguan yang tidak dijangka atau kecemasan yang berlaku.

### Rajah 1 : Objektif Pelan PKP MAIPk

1. Memastikan fungsi atau perkhidmatan kritikal, kemudahan infrastruktur dan maklumat dipulihkan dengan segera apabila berlaku gangguan atau bencana dan bagi meneruskan sistem penyampaian perkhidmatan MAIPk;
2. Mengoptimumkan penggunaan tenaga dan sumber lain semasa gangguan;
3. Meminimumkan impak gangguan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan MAIPk;
4. Meningkatkan ketahanan infrastruktur MAIPk bagi mengurangkan tempoh gangguan;
5. Meminimumkan kesan operasi dan kewangan akibat daripada pelbagai gangguan;
6. Menjadi contoh kepada agensi/cawangan di bawah pentadbiran/seliaan MAIPk dalam Pengurusan Kesyukuran Perkhidmatan dan bagi memastikan ketersediaan perkhidmatan yang diberikan;
7. Memenuhi keperluan pematuhan pensijilan MS ISO/IEC 27001-2007 *Information Security Management Systems*; dan
8. Menyediakan MAIPk ke arah memenuhi kehendak stakeholders dari kalangan sektor awam dan masyarakat.

Bagi meminimumkan impak gangguan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan, MAIPk mengukuhkan keselamatan pangkalan data dengan penyediaan pangkalan data sokongan (*backup data server*) yang berpusat di Pejabat MAIPk Seri Iskandar. *Backup data* ini diwujudkan bagi mempersiapkan MAIPk ke arah ketahanan infrastuktur serta pengurangan kesan operasi dan kewangan akibat daripada pelbagai gangguan. Pemilihan Pejabat MAIPk Daerah Seri Iskandar adalah sejajar dengan pematuhan Pelan Pemulihan Bencana (DRP) yang menggariskan langkah-langkah penetapan lokasi *offsite data* perlu diwujudkan.

### Peningkatan Kemahiran Pegawai MAIPk

Fungsi utama Unit Latihan dan Kompetensi adalah merancang dan melaksanakan program latihan mengikut jadual bagi meningkatkan ilmu pengetahuan, pembentukan sikap dan kemahiran pegawai MAIPk. Selain itu, Unit Latihan dan Kompetensi juga merupakan urusetia kepada semua bengkel kerja yang diperlukan oleh semua bahagian dan unit dalam MAIPk. Pada tahun 2013, program latihan yang dilaksanakan memfokuskan kepada kursus yang berkaitan dengan penambahbaikan pengetahuan dan kemahiran pekhidmat berdasarkan bidang tugas masing-masing.



Bagi aspek pentadbiran, MAIPk telah bekerjasama dengan Jabatan Arkib Negara untuk mengadakan Kursus Pengurusan Rekod kepada pegawai dan pembantu tadbir bertujuan meningkatkan keberkesanan pengurusan sistem rekod. Selain itu, MAIPk turut bekerjasama dengan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia bagi menganjurkan Kursus Asas Keselamatan Perlindungan kepada para Pegawai Keselamatan Jabatan dengan matlamat untuk memberi pendedahan tentang aspek perlindungan fizikal, dokumen dan peribadi.

Kursus yang melibatkan bidang tugas teknikal juga diberikan penumpuan sepanjang tahun 2013. Terdapat dua kursus yang telah dilaksanakan iaitu Kursus Pengurusan dan Pemantauan Projek untuk para pegawai serta Kursus Penyediaan *Bill of Quantity* dan Pemantauan *Progress of Work* kepada Pembantu Tadbir. Hasil usaha gigih dan kerjasama semua pekhidmat, Unit Latihan dan Kompetensi telah berjaya menganjurkan 51 kursus dan bengkel dalaman serta menghantar pekhidmat-pekhidmat MAIPk terlibat dengan 33 kursus anjuran pihak luar.

### Tadbir Urus Pengurusan Kewangan

Bagi meningkatkan kecepatan pembayaran MAIPk kepada *stakeholder*, kaedah pembayaran *Electronic Fund Transfer (EFT)* mula dilaksanakan pada tahun 2013. Kaedah ini bertujuan bagi mengurangkan penggunaan cek yang dianggarkan melebihi 14 ribu keping cek setahun. Melalui kaedah ini juga, kos pengeluaran cek dapat dikurangkan sekaligus mempercepatkan proses bayaran. Di samping itu, kawalan dalaman terhadap kaedah bayaran juga dapat diperkemas malah, produktiviti MAIPk juga dapat dipertingkatkan.

Mulai tahun 2013, berlaku perubahan bagi penyediaan penyata kewangan MAIPk apabila ianya disatukan dengan penyata kewangan anak syarikat milik penuh MAIPk iaitu PKEINPK Sdn. Bhd. Penyata kewangan yang disatukan ini diserahkan kepada Jabatan Audit Negara Malaysia Cawangan Negeri Perak untuk diaudit. MAIPk turut memperketatkan kawalan dalaman mengenai aspek pengurusan pungutan zakat amil harta. Setiap amil perlu menghantar pungutan zakat dalam tempoh 7 hari selepas resit kutipan dikeluarkan.

Unit Audit Dalam MAIPk sentiasa melaksanakan tanggungjawabnya dengan memberi fokus terhadap aspek kawalan pengurusan kewangan berasaskan Indeks Akauntabiliti (AI). Kawalan ini merangkumi auditan dan pemantauan yang berkaitan dengan indikator AI yang disediakan oleh Jabatan Audit Negara Malaysia.

### Anugerah Dan Pencapaian

Hasil daripada usaha berterusan yang dilakukan oleh MAIPk untuk meningkatkan tadbir urus korporat sepanjang tahun 2013, MAIPk sekali lagi dianugerahkan penarafan empat bintang bagi Indeks Akauntabiliti. MAIPk menduduki tempat ketiga daripada 21 agensi yang diaudit selepas Pejabat Kewangan Negeri Perak dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Hasil daripada penarafan tersebut, Jabatan Audit Negara Malaysia membuat ketetapan hanya akan membuat auditan terhadap MAIPk sekali dalam tempoh tiga tahun. Kejayaan ini mengundang rasa syukur dan gembira serta meningkatkan motivasi pekhidmat-pekhidmat MAIPk untuk mengekalkan kejayaan ini.

Turut mengiringi prestasi yang membanggakan apabila MAIPk dianugerahkan Sijil Bersih Penyata Kewangan MAIPk untuk tahun 2013 kali kedua berturut-turut. Anugerah yang diberikan menunjukkan bahawa MAIPk dapat mengekalkan tadbir urus korporat yang cemerlang sekaligus dapat meningkatkan keyakinan dan kepercayaan masyarakat kepada MAIPk. MAIPk terus diberi pengiktirafan apabila portal rasmi MAIPk mendapat penarafan Empat Bintang buat tahun kedua berturut-turut oleh pihak Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).


Sebagai menghargai komitmen dan usaha semua pekhidmat MAIPk bagi memastikan tadbir urus korporat sentiasa dilaksanakan seperti yang disasarkan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Perkhidmatan Terpuji terus dijadikan platform oleh Pengurusan MAIPk untuk menganugerahkan penghargaan kepada para pekhidmatnya. Sehubungan dengan itu, seramai 20 orang pekhidmat telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang manakala 25 orang pekhidmat menerima Anugerah Perkhidmatan Terpuji. Di samping itu, Anugerah Daya Usaha juga mula diperkenalkan oleh Pengurusan MAIPk yang bertujuan untuk menghargai pekhidmat yang memberikan sumbangan yang signifikan kepada MAIPk terutama daripada segi penjimatan kos, inovasi dan nilai tambah. Penerima anugerah ini dipilih sendiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk. Sehubungan dengan itu, dua orang pekhidmat MAIPk telah menerima anugerah tersebut.

## MENGORAK MASA HADAPAN

MAIPk merupakan institusi yang diamanahkan untuk meningkatkan kebajikan serta kemajuan sosio-ekonomi ummah di Negeri Perak. Kejayaan serta pengiktirafan yang dianugerahkan sehingga kini oleh Allah SWT tidak boleh menjadikan MAIPk selesa dengan keadaan sedia ada, namun perlu dikekalkan momentum peningkatan dan penambahbaikan bagi mencapai prestasi terbaik. MAIPk harus meneroka pelbagai ruang dan kaedah bagi meningkatkan pendapatan sumber am dan wakaf agar tidak terus bergantung kepada dana zakat bagi memajukan sosio-ekonomi umat Islam di Negeri Perak. Kerjasama dengan pelbagai pihak kerajaan dan swasta dibina bagi merancakkan aktiviti pemerksaan asnaf-asnaf. Di samping itu, MAIPk dapat meneroka serta mengoptimumkan teknologi maklumat demi kepentingan sistem penyampaian perkhidmatan yang berkualiti.

Anugerah


---





Peristiwa  
Penting

---





1



2



3



4



5

**10 Januari**

Majlis Penyerahan dan Pengagihan Zakat yang disempurnakan oleh kebawah DYMM Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan Raja Dr. Nazrin Shah. (Gambar 1)

**15 Januari**

Lawatan kerja Jawatankuasa Pelaburan dan Pembangunan Majlis ke Singapura. (Gambar 2)

**17 Januari**

Penyerahan Zakat Tabung Haji Cawangan Negeri Perak kepada Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk.

**27 Januari**

Sebahagian pekhidmat MAIPk mengikuti Bengkel Aset yang dianjurkan secara dalaman. (Gambar 3)

**29 Januari**

Taklimat Penyelarasan Agihan Zakat MAIPk 2013 untuk sebahagian pekhidmat MAIPk yang bertugas di ibu pejabat dan daerah dianjurkan oleh Bahagian Zakat. (Gambar 4)

**30 Januari**

Penyerahan Zakat Telekom Malaysia Cawangan Negeri Perak kepada Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk. (Gambar 5)

### 02 Februari

Guru-guru Al-Quran/Tahfiz lantikan MAIPk mengikuti Kursus Pedagogi Guru-Guru Al-Quran/Tahfiz. (Gambar 1)

### 04 Februari

Bengkel e-Stok untuk pekhidmat MAIPk di ibu pejabat dan daerah yang menguruskan urusan stok pejabat.

### 06 Februari

Bengkel Penulisan Memo dan Surat Rasmi untuk sebahagian pekhidmat MAIPk. (Gambar 2)

### 07 Februari

Perhimpunan Bulanan MAIPk Bil. 01/13.

### 14 Februari

Majlis Penyampaian Bantuan Modal Asnaf Zakat Daerah Manjung yang disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk yang turut dihadiri oleh Orang Besar 16, Tuan Haji Zakaria bin Chu Osman. (Gambar 3)

### 17 Februari

Program Sinar Dialisis dianjurkan oleh MAIPk dengan kerjasama Kumpulan Perubatan Ar-Ridzuan dan Kelab Sukan dan Sosial, MAIPk untuk para penerima bantuan haemodialisis MAIPk.

### 21 Februari

Persidangan Kali Ke-182 Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak. (Gambar 4)



1



2



3



4



1



2



3



4

**08 Mac**

Majlis Penyerahan Bantuan Zakat Asnaf Fakir dan Miskin MAIPk kepada penerima-penerima Daerah Kg. Gajah. (Gambar 1)

**10 - 12 Mac**

Bengkel *Brainstorming* Piagam Pelanggan, Slogan dan Pemurnian KPI MAIPk.

**14 Mac**

Program Jaulah Asnaf Fakir Miskin MAIPk turut disertai oleh Orang Besar Jajahan Kerian. (Gambar 2)

**22 Mac**

Majlis Penyerahan Bantuan Persekolahan MAIPk Daerah Manjung yang disempurnakan oleh Orang Besar Jajahan Manjung. (Gambar 3)

**26 Mac**

Kem Motivasi Asnaf MAIPk Daerah Manjung diadakan untuk anak-anak asnaf Daerah Manjung. (Gambar 4)

**28 Mac**

Majlis Penyerahan Wang Bantuan Segera Masalah Am Daerah Gerik yang disempurnakan oleh Orang Besar Jajahan Hulu Perak.

**28 Mac**

Bahagian Zakat menganjurkan Bengkel pencerahan e-Agihan untuk membincangkan penambahbaikan sistem e-Agihan.





1



2



3

**05 April**

Majlis Menandatangani Surat Akujanji Perantis MyMahir Asnaf anjuran MAIPk dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran. (Gambar 1)

**09 April**

Program Jaulah Asnaf Zakat 2013 yang melibatkan tiga daerah iaitu Daerah Ipoh, Batu Gajah dan Kampar turut disertai Penasihat Agama MAIPk. (Gambar 2)

**12 April**

Bengkel Pelan Pengurusan Risiko MAIPk yang melibatkan sebahagian pegawai MAIPk. (Gambar 3)

**16 April**

Perhimpunan Bulanan MAIPk Bil. 02/2013.



1



2



3



4



5

**09 Mei**

Penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Terpuji Tahun Penilaian 2012 bergambar dengan Pengurusan MAIPk. (Gambar 1)

**15 Mei**

Penyerahan Kunci Rumah MAIPk yang dibina di Taiping melalui program *My Beautiful Neighbourhood* kerjasama antara MAIPk, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak. (Gambar 2)

**23 Mei**

Majlis Penyerahan Cek Zakat Perniagaan dan Tanaman yang disempurnakan oleh DYMM Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan Raja Dr. Nazrin Shah. (Gambar 3)

**23 Mei**

Persidangan Kali Ke-183 Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak. (Gambar 4)

**26 Mei**

Program Sinar Usahawan MAIPk diadakan untuk penerima penerima Bantuan Modal Perniagaan Fakir dan Miskin MAIPk. (Gambar 5)

### 04 Jun

Majlis ilmu bertajuk “Wakaf Suatu Pelaburan Akhirat” disampaikan oleh YBhg. Tuan Haji Asad bin Awang, Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Kariah Daerah Hilir Perak.

### 06 Jun

Jaulah MAIPK Zon Selatan 2013 melibatkan Daerah Kg. Gajah, Teluk Intan, Tapah dan Slim River yang turut disertai Penasihat Agama MAIPK. (Gambar 1)

### 11 Jun

Pengurus BSN Negeri Perak menyerahkan zakat perniagaan kepada KPE MAIPK. (Gambar 2)

### 18 - 22 Jun

Kembara MAIPK 2013 bermula dari Daerah Pengkalan Hulu menuju Gerik, Lenggong, Kuala Kangsar dan berakhir di Ipoh. (Gambar 3)

### 22 Jun

Pelancaran Promosi Kempen 2T iaitu Taksir dan Tukar Peringkat Negeri Perak. (Gambar 4)



1



2



3



4



1



2



3



4



5

**05 Julai**

PPK Hutan Melintang menyerahkan zakat perniagaan kepada MAIPK yang diwakili oleh PBD Teluk Intan.

**12 Julai**

Perhimpunan Bulanan MAIPK Bil. 03/13 dan Majlis Perpisahan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK. (Gambar 1)

**17 Julai**

Pihak PPK Bagan Datoh menyerahkan zakat perniagaan kepada MAIPK yang diwakili oleh PBD Teluk Intan.

**22 Julai**

Pihak Etiqa Wilayah Utara menyerahkan cek zakat perniagaan kepada MAIPK.

**25 Julai**

Para penerima Bantuan Hari Raya 'Aidilfitri 1434H MAIPK Daerah Ipoh mendengar pengisian rohani sempena Peristiwa Badar Al-Kubra. (Gambar 2)

**25 Julai**

KPSU MAIPK menerima zakat perniagaan Bank Muamalat Cawangan Negeri Perak. (Gambar 3)

**25 Julai**

Penyerahan Bantuan Hari Raya 'Aidilfitri 1434H Daerah Manjung yang disempurnakan oleh kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan Raja Dr. Nazrin Shah. (Gambar 4)

**27 Julai**

Majlis Penyerahan Cek Zakat Perniagaan yang disempurnakan oleh kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan Raja Dr. Nazrin Shah di Istana Kuala Kangsar. (Gambar 5)

### 01 Ogos

Penyerahan motorsikal roda tiga kepada penerima bantuan di Daerah Perak Tengah. (Gambar 1)

### 20 Ogos

Penasihat Agama MAIPk menyantuni saudara-saudara baru Daerah Ipoh sempena Majlis Sambutan Hari Raya 'Aidilfitri 1434H MAIPk. (Gambar 2)

### 22 Ogos

Lawatan Majlis Agama Islam Kelantan ke Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak. (Gambar 3)

### 26 Ogos

Majlis Ramah Mesra dengan bakal pelajar ke Timur Tengah yang disempurnakan oleh Penasihat Agama MAIPk. (Gambar 4)



1



2



3



4



1

### 02 September

Program ramah mesra bersama para pelajar Latihan Kemahiran Asnaf 2013 di Bilik Mesyuarat Tingkat 2, Kompleks Islam Darul Ridzuan. (Gambar 1)

### 12 September

Persidangan Kali Ke-184 Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak. (Gambar 2)



2



3



4



5



6

### 13 September

Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan oleh koperasi-koperasi di Negeri Perak kepada MAIPk yang diwakili oleh Penasihat Agama MAIPk berjumlah RM121 ribu. (Gambar 3)

### 17 - 19 September

Kursus Pengurusan dan Pemantauan Tapak Projek di Hotel Taiping Perdana, Taiping. (Gambar 4)

### 19 September

Lawatan kerja Bahagian Zakat MAIPk mengenai projek bina rumah yang diuruskan oleh Pusat Urus Zakat Pulau Pinang. (Gambar 5)

### 30 September

Program Penyerahan Basiswa Pelajaran MAIPk 2013 kepada 80 pelajar terpilih pada di Auditorium, Kompleks Islam Darul Ridzuan. (Gambar 6)



1

### 06 Oktober

Pegawai Baitulmal Daerah Kampar menyerahkan sumbangan kepada salah seorang peserta sempena Program Berdialog Bersama Non-Muslim di Taman Sejahtera Fasa 2, Kampar. (Gambar 1)

### 28 Oktober

Para pekhidmat MAIPk sedang mendengar ucapan Pemangku KPE MAIPk di Perhimpunan Bulanan MAIPk Bil. 04/2013. (Gambar 2)



2



### 04 November

Para peserta dari kalangan bakal pelajar ke Timur Tengah mendengar taklimat. (Gambar 1)

### 13 November

Program "Kenali Emas dan Harta Kita" yang dianjurkan oleh MAIPk dengan kerjasama PUSPANITA Negeri Perak bagi mengkaji uruf emas perhiasan di kalangan golongan muslimat di Negeri Perak. (Gambar 2)

### 14 November

Kursus Pengurusan Kewangan Masjid Daerah Hilir Perak Tahun 2013.

### 27 November

Kajian 'Uruf Emas Peringkat Negeri Perak di Bagan Serai. (Gambar 3)

### 30 November

Majlis Penyerahan Kunci Projek Perumahan Fakir Miskin Kg. Ara Payung, Batu Gajah. (Gambar 4)



1



2



3



4



1



2



3

**01 Disember**

Para peserta lawatan kerja yang diketuai oleh Penolong Setiausaha Bahagian Hartanah dan Pelaburan MAIPk ke Akademi Kulinari, Terengganu. (Gambar 1)

**12 Disember**

Program Motivasi Kecemerlangan dan Qiamullail anjuran Pejabat Hal Ehwal Pelajar Perak (HEP) Egypt dengan kerjasama Keluarga Pelajar-pelajar Islam Perak Mesir di Kaherah, Mesir.

**18 Disember**

Penyerahan Cek Zakat Perniagaan BERNAS kepada pihak MAIPk.

**20 Disember**

Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan dan Tanaman di Auditorium Kompleks Islam Darul Ridzuan, Ipoh kepada MAIPk berjumlah RM6.12 juta yang disempurnakan oleh kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan Raja Dr. Nazrin Shah. (Gambar 2)

**20 Disember**


Persidangan Kali Ke-185 Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.

**30 Disember**


Program Motivasi Asnaf dan Penyerahan Bantuan Bulanan kepada 141 orang penerima bantuan bulanan tunai Daerah Kampar. (Gambar 3)

# Statistik


---




## PUNGUTAN ZAKAT TAHUN 2013




## AGIHAN ZAKAT TAHUN 2013



### PUNGUTAN SUMBER AM TAHUN 2013




### PERBELANJAAN SUMBER AM TAHUN 2013




### SKIM BANTUAN KEWANGAN BULANAN BAGI TAHUN 2011, 2012 DAN 2013 (FAKIR DAN MISKIN)

Tahun	Bilangan Penerima	RM
2011	5,856	13,986,198.00
2012	7,045	15,610,446.32
2013	6,747	16,758,652.95




### SKIM BANTUAN BINA RUMAH BAGI TAHUN 2011, 2012 DAN 2013

Tahun	Bilangan Penerima	RM
2011	199	6,325,852.00
2012	217	6,781,995.00
2013	177	4,941,870.00




### SKIM BANTUAN BAIK PULIH RUMAH BAGI TAHUN 2011, 2012 DAN 2013

Tahun	Bilangan Penerima	RM
2011	168	508,419.25
2012	209	1,290,144.00
2013	373	3,866,462.20




### SKIM BANTUAN PERUBATAN BAGI TAHUN 2011, 2012 DAN 2013

Tahun	Bilangan Penerima	RM
2011	264	1,111,012.00
2012	195	1,353,005.00
2013	482	1,253,848.34




### SKIM BANTUAN HAEMODIALISIS BAGI TAHUN 2011, 2012 DAN 2013

Tahun	Bilangan Penerima	RM
2011	490	10,198,218.00
2012	540	12,345,155.00
2013	612	15,632,859.02



### SKIM BANTUAN MODAL BAGI TAHUN 2011, 2012 DAN 2013


Tahun	Bilangan Penerima	RM
2011	321	634,026.30
2012	140	871,871.95
2013	191	1,206,164.92






### SKIM BANTUAN DERMASISWA (DALAM NEGARA) BAGI TAHUN 2011, 2012 DAN 2013

Tahun	Bilangan Penerima	RM
2011	825	2,036,600.00
2012	1,116	1,586,070.00
2013	1,047	2,688,339.00




### SKIM BANTUAN DERMASISWA (LUAR NEGARA) BAGI TAHUN 2011, 2012 DAN 2013

Tahun	Bilangan Penerima	RM
2011	820	4,833,600.00
2012	1,061	5,245,700.00
2013	786	6,758,700.00




### SKIM BANTUAN IBNU SABIL (DALAM NEGARA) TAHUN 2013

Tahun	Bilangan Penerima	RM
2013	118	145,577.86



### SKIM BANTUAN IBNU SABIL (LUAR NEGARA) TAHUN 2013

Tahun	Bilangan Penerima	RM
2013	256	475,936.00



## BILANGAN PEMBAYAR ZAKAT TAHUN 2011, 2012 DAN 2013\*

Bil.	Daerah	Bilangan Pembayar		
		2011	2012	2013
1.	Ibu Pejabat	30,287	19,901	29,491
2.	Batu Gajah	895	973	1,401
3.	Bagan Serai	1,097	903	885
4.	Gerik	639	659	342
5.	Kampung Gajah	957	834	697
6.	Kuala Kangsar	1,880	1,753	1,319
7.	Kampar	289	203	409
8.	Lenggong	311	253	220
9.	Manjung	2,335	2,053	1,596
10.	Parit Buntar	1,124	1,040	956
11.	Pengkalan Hulu	189	193	171
12.	Selama	379	267	240
13.	Seri Iskandar	1,337	980	734
14.	Slim River	673	636	512
15.	Taiping	2,397	2,517	1,626
16.	Teluk Intan	1,996	2,026	1,393
17.	Tapah	1,213	1,232	728
18.	UTC	-	-	1,287
Jumlah Keseluruhan		47,998	36,423	44,007


\* Tidak termasuk bilangan pembayar Zakat Fitrah.

### SENARAI TANAH YANG DIWAKAFKAN PADA TAHUN 2013

Bil.	Cawangan MAIPk	Jumlah Lot
1.	Ipoh	10
2.	Bagan Serai	14
3.	Batu Gajah	0
4.	Gerik	4
5.	Kampar	0
6.	Kg. Gajah	2
7.	Kuala Kangsar	9
8.	Lenggong	7
9.	Manjung	2
10.	Parit Buntar	6
11.	Pengkalan Hulu	2
12.	Selama	5
13.	Seri Iskandar	10
14.	Slim River	0
15.	Taiping	14
16.	Tapah	5
17.	Teluk Intan	21
Jumlah		111

Penyata  
Kewangan

---



# Laporan Ketua Audit Negara



## **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PERAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

### *Laporan Mengenai Penyata Kewangan*

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2013 dan Penyata Bagi Pendapatan Zakat, Penyata Bagi Pendapatan Sumber Am Baitulmal, Penyata Bagi Perubahan Kumpulan Wang Baitulmal serta Penyata Bagi Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

### *Tanggungjawab Anggota Majlis Terhadap Penyata Kewangan*

Anggota Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (Pindaan 2012). Anggota Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

### *Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperolehi jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

#### *Pendapat*

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak dan Kumpulan pada 31 Disember 2013 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

#### **Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Peraturan Lain**

Selaras dengan keperluan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (Pindaan 2012) di Malaysia, saya turut melaporkan bahawa pada pendapat saya :

- i. Rekod perakaunan dan rekod lain telah diselenggara dengan teratur selaras dengan Seksyen 74, Enakmen tersebut;
- ii. Penerimaan, perbelanjaan, pelaburan wang dan perolehan serta pelupusan aset oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 adalah selaras dengan peruntukan Enakmen tersebut; dan
- iii. Aset dan liabiliti telah dinyatakan dengan saksama selaras dengan polisi perakaunan.



(TAN SRI DATU' SETIA AMBRIN BIN BUANG)  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
24 OKTOBER 2014



# Penyata Anggota


## MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

### PENYATA ANGGOTA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

Kami, **Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria**, PSM, DSA., SPMP., DPMP., JSM., AMN., PKT., PJK., dan **Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed**, DPMP., DJN., yang merupakan dua orang Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak ('Majlis'), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Bagi Pendapatan Zakat, Penyata Bagi Pendapatan Sumber Am Baitulmal, Penyata Bagi Perubahan Kumpulan Wang Baitulmal dan Penyata Bagi Aliran Tunai yang berikut ini, berserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak pada 31 Disember 2013 dan hasil kendaliannya, serta aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Majlis,




.....  
**PROFESOR DATO' DR. ANSARY  
BIN AHMED**  
(DPMP., DJN.)  
Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif  
Asia e-University

merangkap,

Anggota Majlis Agama Islam dan  
'Adat Melayu Perak

Tarikh: 01 JUL 2014



.....  
**TAN SRI DATO' SERI (DR.) HAJI HARUSSANI  
BIN HAJI ZAKARIA**  
(PSM., DSA., SPMP., DPMP., JSM., AMN., PKT., PJK.)  
Mufti Kerajaan Negeri Perak

merangkap,

Anggota Majlis Agama Islam dan  
'Adat Melayu Perak

Tarikh: 01 JUL 2014

# Pengakuan oleh Pegawai Utama

## MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

### PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

Saya, **Dr. Amiruddin Bin Muhamed**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak dengan ikhlas mengakui bahawa, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Bagi Pendapatan Zakat, Penyata Bagi Pendapatan Sumber Am Baitulmal, Penyata Bagi Perubahan Kumpulan Wang Baitulmal dan Penyata Bagi Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa, ianya itu adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.



**DR. AMIRUDDIN BIN MUHAMED**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas, **Dr. Amiruddin Bin Muhamed, No. Kad Pengenalan 720313-08-6139**, di **Ipoh, Perak Darul Ridzuan**, di hadapan saya,

pada **30 JUN 2014**



No. 2, Wakaf Bazar Rakyat Masjid Negeri Perak  
Jalan Sultan Iskandar,  
30000 Ipoh, Perak  
H/P: 013-369112\*

# Penyata Kedudukan Kewangan

Pada 31 Disember 2013

		KUMPULAN	MAJLIS	
	Nota	2013 RM	2013 RM	2012 RM
<b>HARTA</b>				
<b>Harta bukan semasa</b>				
Hartanah, loji dan peralatan	3	91,586,567	67,543,142	63,723,432
Harta dalam kemajuan	4	35,822,659	506,616	3,481,616
Pelaburan dalam subsidiari	5	-	13,733,000	-
Pelaburan saham	6	13,312,550	6,855,600	3,714,000
Pelaburan sekuriti lain	7	35,392,352	35,392,352	24,061,506
Aset cukai tertunda		205,139	-	-
		<b>176,319,267</b>	<b>124,030,710</b>	<b>94,980,554</b>
<b>Harta semasa</b>				
Inventori	8	1,627,287	-	-
Penghutang	9	4,280,592	850,134	960,908
Pelbagai penghutang	10	11,161,553	526,547	834,881
Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan berlesen	11	155,748,663	109,000,000	69,507,814
Wang tunai di tangan dan di bank	12	14,172,129	7,211,705	45,180,431
		<b>186,990,224</b>	<b>117,588,386</b>	<b>116,484,034</b>
<b>JUMLAH HARTA</b>		<b>363,309,491</b>	<b>241,619,096</b>	<b>211,464,588</b>
<b>EKUITI DAN LIABILITI</b>				
<b>Dibiayai oleh :</b>				
<b>Kumpulan wang dan rizab</b>				
		305,387,611	212,776,165	202,042,499
<b>Liabiliti bukan semasa</b>				
Pinjaman jangka panjang	13	17,979,562	17,979,562	1,500,000
<b>Liabiliti semasa</b>				
Pinjaman jangka pendek	13	279,459	279,459	300,000
Pemiutang	14	9,202,399	5,921,584	7,436,696
Pelbagai pemiutang	15	25,491,104	1,520,726	185,393
Jumlah terhutang kepada subsidiari		1,654,021	3,141,600	-
Jumlah terhutang kepada perbadanan berkaitan		1,517,791	-	-
Peruntukan cukai		1,797,544	-	-
<b>Jumlah liabiliti</b>		<b>57,921,880</b>	<b>28,842,931</b>	<b>9,422,089</b>
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>		<b>363,309,491</b>	<b>241,619,096</b>	<b>211,464,588</b>

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 89 hingga 105 merupakan sebahagian penting Penyata Kewangan ini.

# Penyata Bagi Pendapatan Zakat

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

	Nota	2013 RM	2012 RM
<b>PENDAPATAN</b>			
Zakat Fitrah		8,023,402	7,976,981
Zakat Harta		58,539,006	47,915,079
Zakat Perniagaan		40,015,127	42,912,609
Zakat Tanaman		3,247,608	1,934,378
Keuntungan bank dan pendapatan lain		1,993,009	2,463,712
		<b>111,818,152</b>	<b>103,202,759</b>
<b>AGIHAN ASNAF</b>			
Amil	20	13,495,035	10,901,251
Fakir dan Miskin		54,300,221	46,033,000
Muallaf		4,819,459	2,884,435
Ghorimin		951,880	473,393
Ibnu Sabil		621,514	615,388
Fisabilillah	21	27,453,684	21,186,275
		<b>101,641,793</b>	<b>82,093,742</b>
Lebihan pendapatan		<b>10,176,359</b>	<b>21,109,017</b>

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 89 hingga 105 merupakan sebahagian penting Penyata Kewangan ini.

# Penyata Bagi Pendapatan Sumber Am Baitulmal

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

		KUMPULAN	MAJLIS	
	Nota	2013 RM	2013 RM	2012 RM
Pendapatan	22	39,702,181	7,057,154	6,328,012
Kos operasi		(19,486,701)	-	-
<b>Lebihan pendapatan kasar</b>		<b>20,215,480</b>	<b>7,057,154</b>	<b>6,328,012</b>
Lain-lain pendapatan	23	3,075,687	1,157,013	1,076,517
Perbelanjaan pentadbiran	24	(12,600,139)	(5,925,699)	(5,097,511)
Kos kewangan		(60,000)	(60,000)	-
<b>Lebihan pendapatan sebelum cukai dan zakat</b>		<b>10,631,028</b>	<b>2,228,468</b>	<b>2,307,018</b>
Cukai		(2,527,257)	-	-
Zakat		(1,200,000)	-	-
Kepentingan Minoriti		30,000	-	-
<b>Lebihan pendapatan bagi tahun semasa</b>		<b>6,933,771</b>	<b>2,228,468</b>	<b>2,307,018</b>

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 89 hingga 105 merupakan sebahagian penting Penyata Kewangan ini.

# Penyata Bagi Perubahan Kumpulan Wang Baitulmal

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

## KUMPULAN

### Nota

Pada 1 Januari 2013  
 Lebihan pendapatan  
 Sumbangan Kerajaan Negeri (Tertunda)  
 Rizab modal  
 Pemindah milikan perniagaan  
 Dividen  
 Pelarasan terdahulu

**Pada 31 Disember 2013**

Kumpulan Wang Baitulmal RM	Kerugian/Keuntungan Terkumpul RM	Sumbangan Kerajaan Negeri RM
145,881,231	(2,000)	3,015,835
12,562,440	4,617,803	-
-	-	(181,025)
-	-	-
-	-	-
-	(2,000,000)	-
2,690,570	-	-
<b>161,134,241</b>	<b>2,615,803</b>	<b>2,834,810</b>

## MAJLIS

### Nota

Pada 1 Januari 2012  
 Lebihan pendapatan  
 Sumbangan Kerajaan Negeri (Tertunda)  
 Rizab modal  
 Pelarasan terdahulu

**Pada 31 Disember 2012**

Kumpulan Wang Baitulmal RM	Sumbangan Kerajaan Negeri RM	Tabung Pinjaman Kakitangan RM
<b>16</b>	<b>17</b>	<b>18</b>
124,393,910	3,196,859	300,000
21,834,943	-	-
-	(181,024)	-
-	-	-
(347,622)	-	-
<b>145,881,231</b>	<b>3,015,835</b>	<b>300,000</b>

Pada 1 Januari 2013  
 Lebihan pendapatan  
 Sumbangan Kerajaan Negeri (Tertunda)  
 Rizab modal  
 Pelarasan terdahulu

**Pada 31 Disember 2013**

145,881,231	3,015,835	300,000
12,474,940	-	-
-	(181,025)	-
-	-	-
2,690,570	-	-
<b>161,046,741</b>	<b>2,834,810</b>	<b>300,000</b>

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 89 hingga 105 merupakan sebahagian penting Penyata Kewangan ini.

Tabung Pinjaman Kakitangan RM	Modal Saham RM	Rizab Modal RM	Rizab Lain RM	Jumlah RM
300,000	2	52,845,433	-	202,040,501
-	-	-	-	17,180,243
-	-	-	-	(181,025)
-	-	(4,250,820)	-	(4,250,820)
-	-	-	89,908,142	89,908,142
-	-	-	-	(2,000,000)
-	-	-	-	2,690,570
<b>300,000</b>	<b>2</b>	<b>48,594,613</b>	<b>89,908,142</b>	<b>305,387,611</b>

Rizab Modal RM	Jumlah RM
19	
47,938,462	175,829,231
-	21,834,943
-	(181,024)
4,906,971	4,906,971
-	(347,622)

<b>52,845,433</b>	<b>202,042,499</b>
-------------------	--------------------

52,845,433	202,042,499
-	12,474,940
-	(181,025)
(4,250,820)	(4,250,820)
-	2,690,570

<b>48,594,613</b>	<b>212,776,164</b>
-------------------	--------------------

KUMPULAN WANG BAITULMAL TERDIRI DARIPADA :

	2013 RM	2012 RM
Zakat	136,902,600	123,858,926
Wakaf	2,475,860	3,074,873
Sumber Am	16,352,322	14,300,599
Amanah	5,315,959	4,646,833
	<b>161,046,741</b>	<b>145,881,231</b>

# Penyata Bagi Aliran Tunai

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

Nota	KUMPULAN	MAJLIS	
	2013 RM	2013 RM	2012 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</b>			
<b>Lebihan/(Kekurangan) pendapatan :</b>			
Zakat	10,176,359	10,176,359	21,109,017
Wakaf	(599,012)	(599,012)	(367,647)
Sumber Am	9,431,027	2,228,467	2,307,019
Kenaikan/(Pengurangan) dalam dana Amanah			
	669,126	669,126	(1,213,446)
<b>Pelarasan untuk :</b>			
Susutnilai	3,222,491	1,000,852	929,686
Pelarasan tahun lalu	2,690,570	2,690,570	(347,622)
Pengklasifikasi semula nilai tanah	3	(5,210,500)	(5,210,500)
Keuntungan/(kerugian) pelupusan hartanah, loji dan peralatan	951,484	949,180	(648,064)
Dividen diterima	(3,027,928)	(2,823,305)	-
Keuntungan diterima	(2,117,725)	(1,433,129)	-
Hibah diterima	(543,633)	(308,360)	-
Bayaran keuntungan pinjaman	60,000	60,000	-
Hutang ragu	(1,431)	-	-
Kemerosotan dalam nilai pelaburan	4,300	-	-
Pelunasan perbelanjaan kemajuan kerja	673,494	-	-
<b>Aliran tunai dari aktiviti operasi sebelum perubahan modal kerja</b>	<b>16,378,622</b>	<b>7,400,248</b>	<b>21,768,943</b>
<b>Perubahan modal kerja :</b>			
(Penurunan) dalam inventori	(1,627,287)	-	-
(Penurunan)/Kenaikan dalam penghutang	(16,228,175)	110,774	151,262
(Penurunan)/Kenaikan dalam pelbagai penghutang	(41,666)	(41,666)	30,815
Kenaikan/(Penurunan) dalam pemiutang	28,041,207	(1,515,112)	2,210,494
Kenaikan/(Penurunan) dalam pelbagai pemiutang	1,335,333	1,335,333	(18,450)
Kenaikan/(Penurunan) dalam jumlah terhutang kepada subsidiari	3,141,600	3,141,600	-
(Penurunan) dalam sumbangan Kerajaan Negeri	(181,024)	(181,024)	(181,024)
Bayaran keuntungan pinjaman	(60,000)	(60,000)	-
Perbelanjaan kemajuan kerja	(6,475,340)	-	-
Cukai dibayar	(934,852)	-	-
<b>Aliran tunai bersih dari aktiviti operasi</b>	<b>23,348,418</b>	<b>10,190,153</b>	<b>23,962,040</b>

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 89 hingga 105 merupakan sebahagian penting Penyata Kewangan ini.



# Penyata Bagi Aliran Tunai

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013 (sambungan)

		KUMPULAN	MAJLIS	
	Nota	2013 RM	2013 RM	
			2012 RM	
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>				
(Perolehan)/Pelupusan hartanah, loji dan peralatan	A	(1,858,791)	(1,310,062)	142,532
Modal kepada syarikat subsidiari		(13,733,000)	(13,733,000)	-
Penambahan pelaburan saham		(3,141,600)	(3,141,600)	-
Bayaran kemajuan kerja dalam pelaksanaan		(175,000)	(175,000)	(35,800)
(Kenaikan)/penurunan dalam sekuriti pelaburan		(11,330,846)	(11,330,846)	4,092,696
Dividen diterima		3,027,928	2,823,305	-
Keuntungan diterima		2,117,725	1,433,129	-
Hibah diterima		543,633	308,360	-
<b>Aliran tunai bersih dari aktiviti operasi</b>		<b>(24,549,951)</b>	<b>(25,125,714)</b>	<b>4,199,428</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI KEWANGAN</b>				
Bayaran pinjaman		(273,979)	(273,979)	(300,000)
Penambahan pinjaman jangka panjang		16,733,000	16,733,000	-
Penambahan modal berbayar		13,733,000	-	-
Rizab lain		28,242,057	-	-
Dividen dibayar		(2,000,000)	-	-
<b>Aliran tunai bersih dari aktiviti kewangan</b>		<b>56,434,078</b>	<b>16,459,021</b>	<b>(300,000)</b>
Tambahan dalam tunai dan kesetaraan tunai		55,232,545	1,523,460	27,861,468
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		114,688,247	114,688,245	86,826,777
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun</b>	<b>B</b>	<b>169,920,792</b>	<b>116,211,705</b>	<b>114,688,245</b>

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 89 hingga 105 merupakan sebahagian penting Penyata Kewangan ini.

# Penyata Bagi Aliran Tunai

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013 *(sambungan)*

## NOTA PENYATA ALIRAN TUNAI

### A. Pembelian Hartanah, Loji Dan Peralatan

Majlis dan Kumpulan telah menambah nilai hartanah, loji dan peralatan dengan kos agregat masing-masing RM1,310,062 (2012 : RM142,532) dan RM1,858,791 (2012 : Tiada). Kaedah bayaran tunai RM1,310,062 (2012: RM142,532) dan RM1,858,791 (2012 : Tiada) telah dibuat oleh Majlis dan Kumpulan untuk membeli hartanah, loji dan peralatan.

### B. Tunai Dan Kesetaraan Tunai

	KUMPULAN	MAJLIS	
	2013 RM	2013 RM	2012 RM
Wang tunai di tangan dan di bank	14,172,129	7,211,705	45,180,431
Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan berlesen	155,748,663	109,000,000	69,507,814
	<b>169,920,792</b>	<b>116,211,705</b>	<b>114,688,245</b>

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 89 hingga 105 merupakan sebahagian penting Penyata Kewangan ini.

# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

## 1. MAKLUMAT KORPORAT

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak ('Majlis') ialah sebuah badan berkanun kerajaan yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004.

Aktiviti utama Majlis ialah menganjur, mendorong, membantu dan berusaha meningkatkan kemajuan serta kesejahteraan ekonomi, sosial dan pentadbiran masyarakat Islam berpandukan hukum-hukum Syarak di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan.

Ibu Pejabat Majlis terletak di Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Semua dasar perakaunan adalah sama seperti yang telah digunakan bagi tahun lepas kecuali dinyatakan sebaliknya.

### a) Asas perakaunan

Penyata-penyata kewangan kumpulan dan Majlis telah disediakan berpandukan konvensyen kos sejarah yang diubahsuai berdasarkan penilaian semula harta dan pematuhan kepada kehendak Hukum Syarak, dengan mengambil kira dasar-dasar perakaunan yang tersirat di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, peraturan-peraturan kewangan dan perakaunan serta piawaian yang diterima umum bagi organisasi dan jabatan-jabatan kerajaan, yang pada lazimnya merujuk kepada Piawaian Laporan Entiti Persendirian (PERS) dan pelaporan kewangan yang disediakan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

Angka perbandingan di dalam lembaran imbangan bagi tahun sebelumnya telah diklasifikasi semula supaya selaras dengan pembentangan tahun semasa.

Penyata-penyata kewangan syarikat subsidiari pula telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan Piawaian Laporan Entiti Persendirian (PERS) serta peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Penyata-penyata kewangan dipersembahkan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

### b) Asas Penyatuan

#### Syarikat subsidiari

Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan dan Penyata Aliran Tunai Kumpulan adalah hasil penyatuan akaun Majlis dengan akaun syarikat subsidiarinya iaitu PKEINPk Sdn. Bhd.

Penyata-penyata kewangan yang disatukan merangkumi penyata-penyata kewangan Majlis dan syarikat subsidiari yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Syarikat subsidiari adalah syarikat di mana kumpulan mempunyai kawalan dan pengaruh dalam aspek kewangan dan polisi operasinya yang boleh dimanfaatkan secara terus daripada semua aktivitinya. Penyatuan syarikat subsidiari dibuat pada tarikh di mana kawalan telah berpindah kepada kumpulan sehingga tarikh kawalan ke atas syarikat subsidiari dilupuskan.

Mengikut kaedah perakaunan pengambilalihan, penghasilan syarikat subsidiari yang diambil alih atau yang dijual dalam tahun kewangan diambil kira dalam untung rugi yang disatukan daripada tarikh pengambilalihan tersebut atau sehingga tarikh penjualan menurut mana yang berkenaan.

Baki, urusniaga, pendapatan dan perbelanjaan daripada urusniaga dalam kumpulan dihapuskan sepenuhnya dalam penyatuan. Apabila perlu, pelarasan dibuat ke atas penyata kewangan syarikat subsidiari untuk memastikan syarikat subsidiari menerima pakai dasar perakaunan secara konsisten seperti yang diterimapakai oleh kumpulan.

c) **Hartanah, loji dan peralatan dan susut nilai**

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul. Kos hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika, terdapat kemungkinan manfaat ekonomi berkaitan dengan aset tersebut akan mengalir kepada Kumpulan dan Majlis dan kos aset dapat dinilai dengan pasti.

Sebarang kos pengubahsuaian ke atas mana-mana hartanah, loji dan peralatan yang tidak mengubah struktur asal dianggap sebagai perbelanjaan penyenggaraan dan tidak dipermodalkan sebagai aset.

Tanah pegangan kekal dan pegangan pajakan dinyatakan pada kos. Penilaian tanah hanya dibuat apabila pihak pengurusan berpendapat, ianya akan dibangunkan atau dilupuskan dalam tempoh yang terdekat. Harga penilaian tanah adalah berdasarkan penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Lebihan yang berbangkit daripada penilaian dikreditkan secara langsung ke akaun Rizab Modal. Tanah pegangan warta tidak dinilai kerana hak milik yang tidak sempurna.

Tanah pegangan kekal tidak disusutnilaikan kerana tiada had hayat kegunaan, manakala, tanah pegangan pajakan disusutnilaikan dalam tempoh pajakan yang masih tertinggal.

Kadar tahunan susutnilai untuk hartanah, loji dan peralatan tetap adalah seperti berikut :

#### Kadar Tahunan

Bangunan-bangunan kekal	2.00% - 2.50%
Bangunan-bangunan sementara	10.00%
Kenderaan	20.00%
Jentera pencetak dan mesin	10.00%
Perkakas dan alatan pejabat	10.00% - 25.00%

#### d) Harta dalam kemajuan

Harta dalam kemajuan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan setelah Majlis menerima sijil akuan siap atau surat akuan penerimaan.

Susutnilai bagi harta dalam kemajuan ini akan dikenakan bila hartanah, loji dan peralatan tersebut sedia untuk digunakan.

#### e) Pelaburan

Pelaburan dinyatakan pada kos dan nilai pasaran ditentukan oleh asas agregat. Pelaburan dibuat dengan menggunakan dana Sumber Am Baitulmal termasuk pelaburan dalam syarikat subsidiari. Peruntukan rosot nilai saham tidak disediakan kerana pihak pengurusan berpendapat, pelaburan yang dibuat adalah berisiko rendah, dan bersifat jangka panjang.

#### f) Inventori

Inventori dinyatakan pada harga kos lebih rendah (dikenalpasti atas asas masuk dulu, keluar dulu) dan nilai penilaian bersih. Kos baja dan bahan gunaan, ubat dan peralatan perubatan termasuklah kos belian asal campur kos langsung yang dikenakan untuk membawa inventori-inventori ke lokasi dan berada dalam keadaan sekarang.

Nilai penilaian bersih mewakili harga jualan yang dianggarkan di dalam proses perniagaan yang normal tolak kos-kos jualan dan kos pengedaran dan kesemua kos-kos lain yang dianggarkan untuk menjualkan inventori.

#### g) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai mengandungi tunai di tangan dan di bank, deposit bertempoh dan pelaburan patuh Syariah berkecairan jangka pendek yang sedia ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui, di mana perubahan dalam nilai pelaburan patuh Syariah itu membawa risiko perubahan yang tidak ketara.

h) **Penghutang**

Penghutang telah dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Anggaran untuk hutang ragu telah dibuat berdasarkan atas semakan semua amaun tertunggak pada akhir tahun kewangan. Peruntukan khusus dibuat untuk hutang ragu yang telah disemak secara individu dan dikenal pasti secara khusus sebagai hutang tidak berbayar.

i) **Pemiutang**

Pemiutang dinyatakan pada kos iaitu pada nilai saksama yang dijangka akan dibayar pada masa hadapan bagi barangan dan perkhidmatan yang diterima.

j) **Cukai**

Cukai ke atas untung atau rugi bagi tahun ini merangkumi cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai pendapatan akan diiktirafkan di dalam penyata pendapatan kecuali jika ia berkaitan dengan perkara-perkara yang diiktirafkan di ekuiti secara langsung, di mana ia akan diiktirafkan di ekuiti.

Perbelanjaan cukai semasa adalah cukai akan dibayar ke atas pendapatan boleh cukai tahun semasa, menggunakan kadar cukai digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh kunci kira-kira, dan sebarang perubahan terhadap cukai akan dibayar mengikut tahun sebelumnya.

Cukai tertunda diperuntukan, dengan menggunakan cara liabiliti, ke atas perbezaan sementara di antara cukai berasaskan aset dan liabiliti dan amaun bawaan pada penyata kewangan tahun semasa. Perbezaan sementara tidak akan diiktiraf untuk pengiktirafan harta permulaan yang pada masa transaksi itu tidak melibatkan keuntungan perakaunan ataupun keuntungan boleh cukai. Amaun cukai tertunda yang diperuntukan berasaskan cara jangkaan realisasi ataupun penyelesaian amaun bawaan aset dan liabiliti, menggunakan kadar cukai digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh kunci kira-kira.

Aset cukai tertunda hanya diiktiraf jika terdapat jangkaan keuntungan cukai pada masa hadapan yang membolehkan harta tersebut digunakan.

k) **Manfaat pekerja**

i) **Manfaat jangka pendek**

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial telah diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun ini di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja Kumpulan. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf

bila perkhidmatan yang diberi oleh pekerja akan menambahkan hak untuk pampasan ketidakhadiran akan datang, dan pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf bila ketidakhadiran berlaku.

ii) **Manfaat selepas perkhidmatan**

Pelan sumbangan terperinci adalah pelan persaraan yang mana Kumpulan yang menyumbang secara tetap ke dalam entiti berasingan dan Kumpulan tiada kewajipan dari segi undang-undang atau kewajipan konstruktif untuk menyumbang lagi sekiranya tabung tidak mempunyai aset yang cukup untuk membayar semua manfaat pekerja yang berkaitan dengan perkhidmatan semasa dan sebelumnya. Sumbangan Kumpulan kepada pelan sumbangan terperinci, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pelan sumbangan yang ditubuhkan oleh kerajaan, adalah diambil kira di dalam penyata pendapatan pada tempoh berkenaan. Apabila sumbangan telah dibayar, Kumpulan tidak mempunyai sebarang tanggungan lagi.

Manfaat pekerja selepas tamat tempoh perkhidmatan kontrak diiktiraf apabila pekerja tersebut menamatkan perkhidmatannya.

l) **Pengiktirafan pendapatan**

Pendapatan diiktiraf hingga ke tahap di mana ada kemungkinan manfaat ekonomi berkaitan dengan sesuatu urusan niaga akan mengalir kepada Majlis dan pendapatan itu boleh dianggarkan dengan pasti. Pendapatan dinilai pada nilai wajar balasan yang diterima atau akan diterima, kecuali, hasil zakat yang diiktiraf berasaskan tunai yang diterima pada tarikh urusan niaga.

m) **Pendapatan tertunda**

Pendapatan tertunda merupakan sumbangan Kerajaan Negeri Perak yang berkaitan dengan perolehan harta tetap. Pendapatan diiktiraf atas dasar garis lurus sepanjang tempoh hayat kegunaan harta tetap berkenaan.

### 3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

#### KUMPULAN 2013

Butiran	Kos/Nilaian pada 1.1.2013 RM	Pindahan/Tambahan/ (Pelupusan) RM	Reklasifikasi Semula RM
Tanah milik bebas :			
- kos	709,543	55,550	5,210,500
- nilaian	52,855,933	949,180	(5,210,500)
Tanah milik pajakan	202,050	654,737	-
Bangunan kekal :			
- Kompleks Islam Darul Ridzuan	17,744,067	-	-
- Bangunan Baitulmal, Wakaf dan lain-lain	3,516,936	14,739,360	-
Bangunan sementara	10,917	-	-
Kenderaan	1,031,377	932,812	-
Mesin dan jentera	418,449	-	-
Perkakas dan alatan pejabat	3,176,044	13,731,864	-
	<b>79,665,316</b>	<b>31,063,503</b>	-

#### MAJLIS 2013

Butiran	Kos/Nilaian pada 1.1.2013 RM	Pindahan/Tambahan/ (Pelupusan) RM	Reklasifikasi Semula RM
Tanah milik bebas :			
- kos	709,543	-	5,210,500
- nilaian	52,855,933	949,180	(5,210,500)
Tanah milik pajakan	202,050	-	-
Bangunan kekal :			
- Kompleks Islam Darul Ridzuan	17,744,067	-	-
- Bangunan Baitulmal, Wakaf dan lain-lain	3,516,936	3,500,000	-
Bangunan sementara	10,917	-	-
Kenderaan	1,031,377	88,357	-
Mesin dan jentera	418,449	-	-
Perkakas dan alatan pejabat	3,176,044	283,025	-
	<b>79,665,316</b>	<b>4,820,562</b>	-



Kos/Nilai pada 31.12.2013 RM	Susut nilai terkumpul pada 1.1.2013 RM	Pindahan/Susut nilai Semasa/ (Pelupusan) RM	Susut nilai terkumpul pada 31.12.2013 RM	Nilai buku pada 31.12.2013 RM
5,975,593	-	-	-	5,975,593
48,594,613	-	-	-	48,594,613
856,787	54,742	15,289	70,031	786,756
17,744,067	10,557,136	443,602	11,000,738	6,743,329
18,256,296	1,625,824	383,272	2,009,096	16,247,200
10,917	10,914	-	10,914	3
1,964,189	744,376	666,126	1,410,502	553,687
418,449	310,440	-	310,440	108,009
16,907,908	2,638,452	1,692,079	4,330,531	12,577,377
<b>110,728,819</b>	<b>15,941,884</b>	<b>3,200,368</b>	<b>19,142,252</b>	<b>91,586,567</b>

Kos/Nilai pada 31.12.2013 RM	Susut nilai terkumpul pada 1.1.2013 RM	Pindahan/Susut nilai Semasa/ (Pelupusan) RM	Susut nilai terkumpul pada 31.12.2013 RM	Nilai buku pada 31.12.2013 RM
5,920,043	-	-	-	5,920,043
48,594,613	-	-	-	48,594,613
202,050	54,742	2,065	56,807	145,243
17,744,067	10,557,136	443,602	11,000,738	6,743,329
7,016,936	1,625,824	175,423	1,801,247	5,215,689
10,917	10,914	-	10,914	3
1,119,734	744,376	114,158	858,534	261,200
418,449	310,440	-	310,440	108,009
3,459,069	2,638,452	265,604	2,904,056	555,013
<b>84,485,878</b>	<b>15,941,884</b>	<b>1,000,852</b>	<b>16,942,736</b>	<b>67,543,142</b>

### 3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN *(sambungan)*

MAJLIS 2012

Butiran	Kos/Nilai pada 1.1.2012 RM	Pindahan/ Tambah/ (Pelupusan) RM	Kos/Nilai pada 31.12.2012 RM
Tanah milik bebas :			
- kos	709,543	-	709,543
- nilai	47,938,462	4,917,471	52,855,933
Tanah milik pajaka	202,050	-	202,050
Bangunan kekal :			
- Kompleks Islam Darul Ridzuan	17,744,067	-	17,744,067
- Bangunan Baitulmal, Wakaf dan lain-lain	3,158,536	358,400	3,516,936
Bangunan sementara	10,917	-	10,917
Kenderaan	917,568	113,809	1,031,377
Mesin dan jentera	283,449	135,000	418,449
Perkakas dan alatan pejabat	2,982,314	193,730	3,176,044
	<b>73,946,906</b>	<b>5,718,410</b>	<b>79,665,316</b>

Harta tetap bangunan kekal – Kompleks Islam Darul Ridzuan di atas, adalah diperolehi melalui sumber-sumber seperti berikut :

**Pinjaman Jangka Panjang** – telahpun diselesaikan sepenuhnya pada tahun 2004.

**Sumbangan Kerajaan Negeri** – diakaunkan sebagai pendapatan tertunda dan dilunaskan secara berskala berdasarkan kadar susut nilai seperti yang dijelaskan pada Nota 2 (m) Kepada Penyata Kewangan di atas.

Susut nilai terkumpul pada 1.1.2012 RM	Pindahan/Susut nilai Semasa/ (Pelupusan) RM	Susut nilai terkumpul pada 31.12.2012 RM	Nilai buku pada 31.12.2012 RM
-	-	-	709,543
-	-	-	52,855,933
52,677	2,065	54,742	147,308
10,113,534	443,602	10,557,136	7,186,931
1,537,901	87,923	1,625,824	1,891,112
10,914	-	10,914	3
696,384	47,992	744,376	287,001
283,440	27,000	310,440	108,009
2,369,841	268,611	2,638,452	537,592
<b>15,064,691</b>	<b>877,193</b>	<b>15,941,884</b>	<b>63,723,432</b>

#### 4. HARTA DALAM KEMAJUAN

	KUMPULAN	MAJLIS	
	2013 RM	2013 RM	2012 RM
<b>Kos</b>			
Pada 1 Januari	331,616	331,616	3,804,216
Pindahmilikan perniagaan secara hibah	29,514,197	-	-
Pertambahan dalam tahun	6,650,340	175,000	-
<i>Tolak</i> : Pindahan kepada hartanah, loji dan peralatan	-	-	(322,600)
	<b>36,496,153</b>	<b>506,616</b>	<b>3,481,616</b>
<b>Susut nilai terkumpul</b>			
Pada 1 Januari	-	-	-
Pindahmilikan perniagaan secara hibah	-	-	-
Pelunasan bagi tahun	673,494	-	-
	<b>673,494</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
<b>Nilai buku bersih</b>			
Pada 31 Disember	<b>35,822,659</b>	<b>506,616</b>	<b>3,481,616</b>

#### 5. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI

	KUMPULAN	MAJLIS	
	2013 RM	2013 RM	2012 RM
<b>Pada harga kos :</b>			
Saham tidak tersiar harga pada kos	-	13,733,000	-

Butir-butir bagi syarikat subsidiari yang ditubuhkan di Malaysia iaitu :

Nama	Tahun Ditubuhkan	Kegiatan Utama	Kepentingan efektif	
			2013 %	2012 %
PKEINPk Sdn Bhd	2012	Mengendalikan kerja-kerja pembangunan dan kemajuan dalam bidang pertanian, perumahan, pembuatan, perlombongan dan perdagangan.	100	-

## 6. PELABURAN DALAM SAHAM

	KUMPULAN	MAJLIS	
	2013 RM	2013 RM	2012 RM
<b>Pada kos :</b>			
Saham-saham tersiar harga di Malaysia	13,066,850	6,855,600	3,714,000
<i>Tolak</i> : Elaun kemerosotan nilai dalam pelaburan	(4,300)	-	-
	<b>13,062,550</b>	<b>6,855,600</b>	<b>3,714,000</b>
Saham-saham amanah disenaraikan di Malaysia	250,000	-	-
<b>Jumlah pelaburan pada 31 Disember</b>	<b>13,312,550</b>	<b>6,855,600</b>	<b>3,714,000</b>
<b>Pada nilai pasaran :</b>			
Saham-saham tersiar harga di Malaysia	28,150,916	20,377,888	11,348,880
Saham-saham amanah disenaraikan di Malaysia	250,000	-	-

## 7. PELABURAN SEKURITI LAIN

	KUMPULAN	MAJLIS	
	2013 RM	2013 RM	2012 RM
<b>Pada harga kos :</b>			
Saham-saham amanah dan pelaburan berstruktur	35,392,352	35,392,352	24,061,506

## 8. INVENTORI

	KUMPULAN	MAJLIS	
	2013 RM	2013 RM	2012 RM
Baja dan bahan gunaan	1,388,342	-	-
Ubat dan peralatan perubatan	238,945	-	-
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>1,627,287</b>	<b>-</b>	<b>-</b>

## 9. PENGHUTANG

	KUMPULAN	MAJLIS	
	2013 RM	2013 RM	2012 RM
Sewa bangunan KIDR	125,622	125,622	306,030
Sewa bangunan Baitulmal	136,974	136,974	311,844
Sewa tanah Baitulmal	228,519	228,519	185,864
Wang terlebih bayar	-	-	54,404
Wang yang belum diserahkan oleh Kadi	359,019	359,019	102,766
Penghutang perniagaan	3,492,974	-	-
	<b>4,343,108</b>	<b>850,134</b>	<b>960,908</b>
<i>Tolak</i> : Peruntukan hutang ragu	(62,516)	-	-
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>4,280,592</b>	<b>850,134</b>	<b>960,908</b>

## 10. PELBAGAI PENGHUTANG

	KUMPULAN	MAJLIS	
	2013 RM	2013 RM	2012 RM
Pelbagai penghutang	2,361,853	21,613	21,613
Pertaruhan	423,193	294,748	294,748
Pinjaman kenderaan	98,012	98,012	97,203
Pinjaman komputer	72,696	72,697	36,737
Pelbagai pinjaman	36,169	36,169	31,272
Pelbagai pendahuluan	11,383	3,308	353,308
Jumlah terhutang oleh syarikat induk	117,948	-	-
Jumlah terhutang oleh pemegang saham	8,040,299	-	-
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>11,161,553</b>	<b>526,547</b>	<b>834,881</b>

## 11. DEPOSIT DAN PENEMPATAN DENGAN INSTITUSI KEWANGAN BERLESEN

	KUMPULAN	MAJLIS	
	2013 RM	2013 RM	2012 RM
Deposit pelaburan di bawah skim pematuhan syariah	155,748,663	109,000,000	69,507,814

## 12. WANG DI TANGAN DAN DI BANK

	KUMPULAN	MAJLIS	
	2013 RM	2013 RM	2012 RM
<b>Wang di tangan dan di bank :</b>			
- Zakat	937,000	937,000	35,613,240
- Sumber Am	11,423,951	4,385,736	7,823,946
- Wakaf	367,639	367,639	850,905
- Akaun Pelbagai	1,443,539	1,443,539	820,277
	<b>14,172,129</b>	<b>7,133,914</b>	<b>45,108,368</b>
Wang dalam perpindahan kira-kira kadi	-	9,763	9,763
Wang dalam perpindahan panjar runcit	-	68,028	62,300
	<b>14,172,129</b>	<b>7,211,705</b>	<b>45,180,431</b>

## 13. PINJAMAN JANGKA PANJANG

	MAJLIS	
	2013 RM	2012 RM
Pada 1 Januari	1,800,000	2,100,000
Pertambahan dalam tahun semasa	13,733,000	-
Pengklasifikasi semula (Nota 25)	3,000,000	-
<i>Tolak</i> : Ansuran dibayar dalam tahun semasa	(273,979)	(300,000)
	<b>18,259,021</b>	<b>1,800,000</b>
Ansuran yang perlu dibayar balik dalam tempoh 12 bulan dan ditunjukkan pada Penyata Kedudukan Kewangan sebagai pinjaman jangka pendek	279,459	300,000
Ansuran yang perlu dibayar balik dalam tempoh selepas 12 bulan	17,979,562	1,500,000
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>18,259,021</b>	<b>1,800,000</b>

## 14. PEMIUTANG

	KUMPULAN	MAJLIS	
	2013 RM	2013 RM	2012 RM
Pemiutang perniagaan	3,280,815	-	-
Bantuan am	5,194,993	5,194,993	6,357,644
Belanja mengurus	701,591	701,591	1,054,052
Bayaran audit	25,000	25,000	25,000
	<b>9,202,399</b>	<b>5,921,584</b>	<b>7,436,696</b>

## 15. PELBAGAI PEMIUTANG

	KUMPULAN	MAJLIS	
	2013 RM	2013 RM	2012 RM
Pelbagai pemiutang	3,748,076	1,316,673	1,673
Pertaruhan deposit	1,201,012	204,053	183,720
Akruan	2,814,825	-	-
Peruntukan pembahagian keuntungan	17,727,191	-	-
	<b>25,491,104</b>	<b>1,520,726</b>	<b>185,393</b>

## 16. KUMPULAN WANG BAITULMAL

	MAJLIS	
	2013 RM	2012 RM
<b>16.1 Zakat</b>		
Pada 1 Januari	123,858,926	102,830,421
Lebihan pendapatan	10,176,359	21,109,017
Pelarasan tahun lalu	2,867,315	(80,512)
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>136,902,600</b>	<b>123,858,926</b>
<b>16.2 Wakaf</b>		
Pada 1 Januari	3,074,873	3,442,520
Kekurangan pendapatan	(599,013)	(367,647)
Pelarasan tahun lalu	-	-
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>2,475,860</b>	<b>3,074,873</b>
<b>16.3 Sumber Am</b>		
Pada 1 Januari	14,300,599	12,260,690
Lebihan pendapatan	2,228,468	2,307,019
Pelarasan tahun lalu	(176,745)	(267,110)
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>16,352,322</b>	<b>14,300,599</b>
<b>16.4 Amanah</b>		
Pada 1 Januari	4,646,833	5,860,279
Lebihan/(Kekurangan) dalam tahun	669,126	(1,213,446)
Pelarasan tahun lalu	-	-
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>5,315,959</b>	<b>4,646,833</b>
	<b>161,046,741</b>	<b>145,881,231</b>



## 17. SUMBANGAN KERAJAAN NEGERI

	MAJLIS	
	2013 RM	2012 RM
Pada 1 Januari	3,015,835	3,196,859
<i>Tolak</i> : Dilunaskan sebagai pendapatan dan ditunjukkan pada Penyata Bagi Pendapatan Sumber Am Baitulmal	(181,025)	(181,024)
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>2,834,810</b>	<b>3,015,835</b>

## 18. TABUNG PINJAMAN KAKITANGAN

Ini merupakan dana pusingan di bawah Akaun Amanah yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan dan suntikan dana daripada sumber am baitulmal, bertujuan untuk membiayai pinjaman peribadi kakitangan untuk pembelian kenderaan, komputer dan pendahuluan diri.

## 19. RIZAB MODAL

	MAJLIS	
	2013 RM	2012 RM
Pada 1 Januari	52,845,433	47,938,462
Penambahan nilai tahun semasa	1,953,318	5,726,192
<i>Tolak</i> : Pelupusan nilai	(1,004,138)	(819,221)
Pengklasifikasi semula (Nota 25)	(5,200,000)	-
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>48,594,613</b>	<b>52,845,433</b>

Ini merupakan lebihan atas kos yang berbangkit daripada penilaian semula tanah-tanah milik Majlis, berasaskan polisi yang dijelaskan di Nota 2 (c) Kepada Penyata Kewangan di atas.

## 20. AMIL

	MAJLIS	
	2013 RM	2012 RM
Emolumen	2,297,094	2,620,400
Perkhidmatan dan bekalan	7,741,162	6,110,047
Inventori	314,266	237,571
Perbelanjaan lain	2,891,352	1,648,548
Susut nilai (rujuk Nota 3.)	251,161	284,685
	<b>13,495,035</b>	<b>10,901,251</b>

## 21. FISABILILLAH

	MAJLIS	
	2013 RM	2012 RM
Dermasiswa dan Bantuan Am Pelajaran	16,137,469	12,572,938
Bantuan Per Kapita Sekolah Agama Rakyat	2,975,286	2,709,802
Bantuan kepada KUISAS	150,000	-
Elaun guru kelas pengajian Al-Quran	1,106,380	1,030,644
Insentif mubaligh dan guru kelas Muallaf	1,513,404	1,563,488
Promosi dan dakwah zakat	282,302	717,874
Pembangunan Islam	2,208,062	986,639
Pembangunan modal insan	221,590	638,346
Bantuan bencana	110,828	217,031
Bantuan anak yatim	840,400	252,038
Sumbangan kepada pasukan keselamatan	43,909	37,087
Agihan asnaf Fisabilillah oleh amil khas	1,159,326	370,071
Bantuan Fisabilillah yang lain	704,728	90,317
	<b>27,453,684</b>	<b>21,186,275</b>

## 22. PENDAPATAN

	KUMPULAN	MAJLIS	
	2013 RM	2013 RM	2012 RM
Sewaan harta	2,496,080	2,496,080	2,282,887
Baitulmal am	1,142,880	1,142,880	2,607,174
Keuntungan pelaburan	3,131,665	3,131,665	836,696
Hasil faraid	111,509	111,509	249,555
Sumbangan subsidiari	175,020	175,020	351,700
Jualan buah kelapa sawit	28,556,716	-	-
Jualan barangan dagangan	139	-	-
Perkhidmatan perubatan dan kesihatan	4,061,256	-	-
Perkhidmatan Pengurusan Ladang	26,916	-	-
	<b>39,702,181</b>	<b>7,057,154</b>	<b>6,328,012</b>

## 23. LAIN-LAIN PENDAPATAN

	KUMPULAN	MAJLIS	
	2013 RM	2013 RM	2012 RM
Pelbagai pendapatan	240,089	181,025	181,024
Pendapatan tertunda	975,988	975,988	895,493
Hibah simpanan semasa	235,273	-	-
Keuntungan pelaburan	684,596	-	-
Dividen saham	204,623	-	-
Keuntungan jualan peralatan	165	-	-
Lebihan peruntukan hutang ragu	1,432	-	-
Pendapatan pelbagai ladang	208,827	-	-
Pendapatan sewaan	105,000	-	-
Pendapatan daripada pengurusan	419,694	-	-
	<b>3,075,687</b>	<b>1,157,013</b>	<b>1,076,517</b>

## 24. PERBELANJAAN PENTADBIRAN


	KUMPULAN	MAJLIS	
	2013 RM	2013 RM	2012 RM
Emolumen	3,952,164	697,684	735,043
Bekalan dan perkhidmatan	3,292,674	3,292,674	3,262,556
Pembangunan ummah	47,530	47,530	-
Perbelanjaan lain	2,336,441	1,138,120	454,911
Susutnilai	2,971,330	749,691	645,001
	<b>12,600,139</b>	<b>5,925,699</b>	<b>5,097,511</b>

## 25. MAKLUMAT PERBANDINGAN

Sebahagian daripada angka-angka perbandingan telah diklasifikasikan semula untuk diselaraskan dengan persembahan tahun kewangan semasa.

Maklumat perbandingan untuk tahun berakhir 31 Disember 2013 telah diklasifikasikan semula seperti yang berikut :

	MAJLIS	
	Seperti yang diklasifikasikan semula RM	Seperti yang dilaporkan sebelumnya RM
Pinjaman jangka panjang	4,800,000	1,800,000
Rizab modal	48,594,613	52,845,433



# Keratan Akhbar

---



## Aset Maipk perlu diurus dengan baik: Raja Nazrin

IPOH – Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (Maipk) perlu mempertingkatkan perolehan melalui sumber am dengan memberi fokus kepada kegiatan pelaburan dan pembangunan.

Pemangku Raja Perak, Raja Dr Nazrin Shah bertitah, aset Maipk juga hendaklah diurus dan dihangunkan secara lebih produktif agar dapat memberikan pulangan hasil yang lebih tinggi.

"Pada 2012 sahaja, Maipk

berjaya meningkatkan prestasi dalam kutipan zakat dan pendapatan am sebanyak 146 peratus melibatkan RM1059 juta berbanding tahun sebelumnya pada kadar RM99.57 juta atau 94 peratus. Pendapatan sumber am pula RM6.4 juta meliputi enam peratus.

"Nisbah perolehan ini boleh dijadikan satu peranda aras kepada perlunya pengurusan Maipk mengambil langkah lebih agresif serta aktif untuk melitigandakan perolehan melalui sumber am," titah baginda pada Persidangan ke-182, Maipk di Dewan Persidangan Kompleks Islam Darul Ridzuan, semalam.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir dan Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria.

Baginda turut menyarankan Maipk

hendaklah meletakkan sasaran pencapaian tertentu dalam aspek pelaburan dan pembangunan, malah sewajarnya memikirkan untuk menggubal pelan induk pelaburan dan pembangunan bagi tempoh sepuluh tahun.

"Beta berharap penubuhan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak (PKEINPK) Sdn Bhd hendaklah dilihat sebagai instrumen untuk mengaktifkan kegiatan pelaburan dan pembangunan Maipk dengan fasa kebijaksanaan yang lebih pesat.

"PKEINPK perlu dilihat sebagai watak penting dalam mengambil tanggungjawab melaksanakan kegiatan pelaburan dan pembangunan Maipk," titah baginda.

Raja Nazrin bertitah, penilaian ter-

hadap angka pendapatan isi rumah dalam menentukan garis kemiskinan rakyat perlu dilaksanakan secara lebih kerap agar negara tidak terbuai lena dengan pencapaian palsu kerana kadar inflasi dan kos hidup meningkat pada tahap yang cepat.

"Kemiskinan adalah masalah besar lagi kompleks yang masih berlaku dan jangan terlaju cepat gembira mendabik kejayaan dengan pencapaian secara angka antara rakyat yang dikategorikan berada di atas dan di bawah garis kemiskinan.

"Justeru, perlu dilakukan penilaian yang lebih kerap supaya negara tidak leka dengan wajah pencapaian palsu kerana kadar inflasi dan kos hidup meningkat pada tahap yang lebih cepat," titah baginda.



Raja Nazrin **berkenan hadir** pada Persidangan Ke-182 Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak di Kompleks Islam Darul Ridzuan, Ipoh, semalam. (FOTO MUHAIZAN YAHYA/BER)

## Fokus isu sosial bina rumah kos rendah

» Sedia kemudahan sukan atasi masalah remaja: Raja Nazrin

Oleh Shamsul Kamal Amarudin  
shaka@bharian.com.my

► Ipoh

Pemangku Raja Perak, Raja Dr Nazrin Shah, menyarankan komponen sosial dijadikan syarat wajib dalam membangunkan projek perumahan bagi kumpulan berpendapatan rendah.

Baginda bertitah, ia tindakan yang perlu dilaksanakan dalam usaha menangani masalah sosial khususnya kes orang hilang atau remaja melarikan diri dari rumah, yang didapati semakin merebak.

"Tempat kediaman disediakan untuk kediaman manusia dan bukannya burung merpati. Mereka ada keluarga, dan anak pelbagai peringkat usia.

"Mereka dari kalangan yang tidak mampu menjadi ahli kepada mana-mana kelab rek-

reasi atau kelab sukan, untuk membolehkan anak mereka ada tempat beriadah dan bersosial. Melaksanakan keadilan bermula dari perkara seases ini," titah baginda pada Persidangan Ke-182 Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIAMP), di sini, semalam.

**Kemudahan jadi jurang**

Raja Nazrin bertitah, ketidakadilan akan menjadi ketara apabila jurang menjadi terlalu jauh antara kemudahan di kawasan perumahan kumpulan atasan berbanding kawasan kumpulan berpendapatan rendah.

Titahnya, rakyat berpenda-

patan rendah tidak meminta disediakan padang golf dalam kawasan perumahan mereka, tetapi golongan itu akan gembira dan bersyukur jika gelanggang permainan seperti sepak takraw, futsal, bola keranjang dan bola jaring disediakan, untuk anak penduduk melakukan aktiviti sosial secara sihat.

Baginda bertitah, slogan berjaya rakyat harus dinafaskan dengan perasaan lebih membela dan memberikan perhatian kepada golongan miskin dan rakyat bawahan.

**Kemiskinan, pengaruh kes orang hilang**

Raja Nazrin bertitah, selain faktor persekitaran kehidupan iaitu suasana di sekitar kediaman, kebanyakan kes orang hilang serta remaja lari dari rumah juga turut dipengaruhi oleh faktor kemiskinan dan penghayatan agama.

Titahnya, kajian semula mengenai kemiskinan harus dilakukan lebih kerap supaya negara tidak leka dengan pencapaian tidak tepat berikutan kadar inflasi serta kos hidup meningkat pada tahap lebih cepat.

Raja Nazrin turut mempersoalkan kenapa masih ada "vakum" atau kekosongan penghayatan agama dalam kalangan sebahagian ummah terutama keluarga miskin walaupun hari ini pengajian Islam diwajibkan kepada setiap pelajar dengan kerajaan sendiri mengambil tanggungjawab membekalkan puluhan ribu guru agama dari peringkat TADIKA hingga ke sekolah menengah malah turut terdapat di kolej dan pusat pengajian tinggi.

## Mangsa kebakaran bersyukur terima rumah baru



Arpah ketika menyempurnakan upacara membuka tirai sebagai simbol perorangan.

Selaman ketika menerima replika kunci rumah miliknya daripada Arpah.

**TAIPING**—Tada apa yang dapat dikatakan mangsa kebakaran, Sulaman Yahya, 72, sedari ucapan syukur dan terima kasih apabila diberi rumah baru yang lebih selesa menggantikan rumahnya yang musnah.

Katanya, dalam kejadian kebakaran pada 19 Mei kira-kira jam 3.30 pagi lalu, rumah miliknya sekeluarga musnah kesetruhananya.

Bagaimanapun mereka sekeluarga tetap bersyukur kerana walaupun semua harta benda musnah, namun tidak ada ahli keluarga yang kehilangan

nyawa malapuntan edera.

"Hari ini, saya rasa seperti mimpi kerana diberikan rumah yang sangat cantik dan mampu memberi kesenangan kepada kami sekeluarga menggantikan rumah yang musnah," katanya kepada Sinar Harian selepas Majlis Penyerahan Kunci Rumah, Projek Pembinaan Semula Rumah Terkorak 'Strategi Lautan Biru Kebangsaan' My Beautiful Neighbourhood Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Selaman berkata, dia juga be-

rasa begitu bertuah kerana tidak ramai yang menerima nasib sebaik dia dan keluarga untuk memiliki rumah seacak ini.

"Kini isteri saya, Noriah Hissan, 66, juga sudah hampir seminggu mengalami strok, jadi apabila berpindah ke rumah ini nanti, harap dia akan lebih selesa untuk bergaya," katanya.

Tambah Sulaman, selepas kejadian kebakaran itu berlaku, dia dan ahli keluarganya terpaksa menyewa rumah di kawasan berhampiran dengan

bayaran RM200 sebulan.

"Kami telah menyewa selama 11 bulan dan hari ini boleh mendiami rumah baru ini yang siap sepenuhnya hasil bantuan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perak (Maipk) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat yang telah membolehkan impian kami sekeluarga," katanya.

Jelanya, terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat untuk menyiapkan rumahnya di Kampung Botong Pinang, Pakej Assam ini.

"Difahamkan seramai 23 orang anggota bomba telah berusaha keras membiha menyipakan rumah ini dalam tempoh masa 25 hari," katanya.

Hadir sama Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Arpah Abd Razak, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Datuk Abdul Puhar Mat Nayan dan Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Syed Omar Shurifuddin.

## Sampaikan mesej fungsi Maipk

**KUALA KANGSAR**—Program Kerajaan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (Maipk) bertujuan meningkatkan fungsi badan berkenaan menguruskan wakaf, zakat serta sumbahan Bahtulmal kepada masyarakat.

Pengarah Programnya, Zulfadli Baharum berkata, program itu juga bertujuan membantu masyarakat menguruskan skim bantuan yang disediakan Maipk untuk orang Islam di serata Perak.

"Kita mahu orang Islam tahu apa skim bantuan yang mereka boleh dapat menerusi Maipk. Ada macam-macam bantuan yang kami sediakan jadi program ini bertujuan

memberitahu mereka skim bantuan yang kami tawarkan. "Selain itu, kami mahu masyarakat tahu skim kewangan menguruskan zakat," katanya selepas Program Taklimat Zakat dan Penyerahan Bantuan Persekitaran Asah dan Fikah Miskin di sini, semalam.

Dalam pada itu, Zulfadli berkata, program ini juga memberi peluang untuk kakitangan Maipk untuk bertemu masyarakat dan mendengar masalah mereka.

"Kita nak kakitangan Maipk turun padang dan mendengar boleh keajaib cerita mereka dengan kami. "Kita juga boleh terus proses permohonan mereka dan agihkan bantuan dengan se-



**ZULFADLI**

gan," katanya.

Program Kembara Maipk 2013 merupakan aktiviti tahunan Maipk yang bermula pada 19 Jun lalu di Pengkalan Hulu dan berakhir di Meru Raya, Sabtu ini.

Belongsaputadilanggan kan serempak program ini



Orang kaya Terengganu Paduka, Tuan Datuk Seri Wan Mohd Fathir Wan Husain menyerahkan bantuan modal perniagaan berupa motor kepada penerima bantuan.

menterusi Taklimat Zakat, Taklimat Wakaf, Penyerahan Bantuan kepada golongan me-

nyorok dan golongan yang memerlukan modal. Maipk sedia ada yang berjumlah 333 kakitangan.

# Sasar kutipan zakat RM10 juta

Maipk agih zakat kepada golongan memerlukan

**KUALA KANGSAR**—Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (Maipk) memusnahkan kutipan zakat sebanyak RM10 juta untuk tahun ini di Perak. Lebih RM10 juta berhadapan tahun lalu.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Dr Syed Omar Shurifuddin Syed Ibrahim berkata, sasaran itu dibuat kerana umat Islam kini sudah mempunyai kewajipan mereka dan penagih kutipan zakat sejak beberapa tahun lalu.

"Memeritnya, semua kutipan ini diagihkan kepada mereka yang memerlukan terutamanya kepada fakir miskin.

"Pada tahun lalu saja, RM10 juta kita agihkan di seluruh Perak, RM100 juta untuk faktor miskin, kita juga sahkan RM1.15 juta bantuan perubatan kepada fakir miskin, sementara bantuan persekitaran bernilai RM55000 hingga RM120000 setahun untuk setiap seorang pelajar yang layak," katanya.

Berhenti berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penutupan Derasap-Seminar Pengurusan Zakat dan Bahtulmal Serempak Kerajaan MAIPK 2013 di Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS), di sini, semalam.

Dalam persembagaan sama, Dr Syed Omar mahu memusatkan beringka buak dengan Maipk untuk



Dr Syed Omar (kiri) dan Bekas Kulias, Prof Jamil Hasbani berjabat tangan semasa khidmat perniagaan atau perkhidmatan sebagai Amal Harta MAIPK.



Sebagaimana peserta yang hadir dalam program taklimat zakat MAIPK di Dewan Pejabat Agama Daerah Kuala Kangsar.

berusaha membangkitkan Islam di negara ini.

"Ada yang tanya mahu pergi atau yang kami kutip zakat atau tidak, jangan



Orang Kaya Terengganu Paduka, Tuan Datuk Seri Wan Mohd Fathir Wan Husain menyerahkan replika cek bantuan kewangan Persekitaran Wakaf Kuala Kangsar berjumlah RM433,000 kepada Wakil Kafa Kuala Kangsar, Mohd Saberi Sami.



Dr Syed Omar (kiri) dan Bekas Kulias, Prof Jamil Hasbani memandatkan penyerahan peruntukan Iqam Zakat sebagai Program Semarak Pengurusan Zakat dan Bahtulmal Serempak Kerajaan MAIPK 2013 di Kuala Kangsar.

# Tujuh Orang Asli peluk Islam

Tertarik pada Islam apabila melihat kehidupan keluarga lain

**SUNGAI SIPUT** – "Setelah lama saya fikir akhirnya saya buat keputusan untuk memeluk Islam. Saya rasa Islam adalah agama terbaik untuk saya." Kata Aminah Uda, 44, penduduk Kampung Orang Asli Langkat, Sungai Siput yang baru sahaja memeluk Islam, malam kelmarin.

Aminah berkata, dia dapat merasakan Islam merupakan agama yang indah setelah melihat kehidupan keluarga dan saudaranya yang memeluk Islam tidak lama dahulu.

Menurutnya, ramai dalam kalangan keluarganya memeluk Islam cuma dia sekeluarga sahaja tidak berbuat demikian.

"Apa yang saya nampak, Islam memang satu agama yang bagus. Saya lihat adik saya pun bagus lepas dia peluk agama Islam," katanya kepada *Sinar Harian*.

Dalam pada itu, anak kepada Aminah, Jamal Anang, 22, berkata, dia membuat keputusan untuk memeluk



Aminah (kiri) mengaminan doa selepas dia dan keluarganya sah menjadi saudara baru.



JAMAL



ZAINAL

Islam kerana mahu bersama keluarganya menjadi umat kepada agama suci Allah.

"Keluarga saya pun sudah masuk Islam. Bila fikir fikir baik, saya pun masuk Islam untuk bersama dengan mereka menjadi umat Islam yang baik. Memang mau seronok bila dapat masuk Islam," katanya.

Sementara itu, adik Aminah, Zainal Abidin Uda, 38, adalah orang yang bertanggungjawab mengajak kakaknya itu untuk memeluk Islam.

Zainal menjadi saudara baru pada 2004 mahu keluarga kakaknya menjadi umat Islam di negara ini kerana merasakan agama berkenaan adalah

yang sebenar-benarnya.

"Islam adalah agama rasmi di Malaysia. Bukan saja di Malaysia, malah di seluruh dunia juga ada ramai umat Islam.

"Sebab itu, saya mengajak kakak saya masuk Islam bersama saya dan akhirnya dia bersetuju. Saya rasa bersyukur sangat kerana bertambah lagi umat Islam di negara

ini," ujarnya.

### Maipk sentiasa pantau

Sementara itu, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (Maipk) akan sentiasa memantau dan memantau saudara baru yang ada di Kampung Langkat dan kawasan lain sekitar Perak.

Ketua Eksekutif Maipk, Datuk Dr Syed Omar Sharifuddin Syed Idris, jabatan itu akan sentiasa berhubung dengan kampung tersebut memandangkan hampir kesemua penduduknya beragama Islam.

Jelajanya, jumlah Orang Asli yang memeluk Islam di Perak meningkat setiap tahun dan Maipk akan sentiasa memberikan bantuan sewajarnya kepada mereka supaya mempunyai kehidupan yang lebih baik serta mampu menjaga ekonomi negara.

"Maipk juga sebenarnya ada menyediakan banyak bantuan kepada mereka seperti bantuan bularan, rumah dan pendidikan.

"Malah, kita juga sudah meng-

agihkan sebanyak RM14 juta bantuan bularan pada tahun lalu. Kita juga ada bina Sekolah Agama Rakyat

(SAR) di kampung berhampiran" katanya.

Syed Omar ditemui ketika menghadiri Majlis Pengislaman, Pernikahan dan Persebaran Baitan Pembangunan Islam berjumlah RM 30,000 sempena Kembara Maipk 2013, di sini, malam kelmarin.

Program itu turut menyaksikan sekeuarga Orang Asli memeluk Islam dan pernikahan tiga pasangan di Kampung Orang Asli Langkat, Sungai Siput.

Selain itu, Maipk juga melantik lebih 50 mubaligh di serata Perak dan tugas mereka adalah masuk ke kampung-kampung dan berdialog kepada penduduk kampung berkenaan.

Kata Syed Omar, mubaligh yang dilantik ini akan masuk ke kampung untuk berdialog bagi memperluskan penyebaran Islam di Perak.

"Lagipun, mubaligh yang kitaantik faham berbahasa tempatan, jadi lebih mudah untuk mereka menyebarkan agama Islam kepada penduduk kampung," katanya.



Aminah dan keluarganya khusyuk mendengar penerangan mengenai Islam daripada wakil Maipk.



Salah satu pasangan mempelai Orang Asli yang dinikahkan pada program berkenaan.



Pengantin lelaki mengangkat akad pada majlis berkenaan.

# Masjid RM1.2 juta dirasmikan

Masjid dengan seni bina unik atas sebuah bukit beri kelega-an kepada penduduk

KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

**GUNUNG SEMANGGOL** - Penyiapan masjid baru dengan seni bina unik di atas sebuah bukit di Kampung Kubu Gajah, di sini memberi kelega-an kepada lebih 500 penduduk yang selama ini menunggu untuk melaksanakan ibadah dalam keadaan lebih selesa.

Lebih bermakna apabila Pemangku Raja Perak, Raja Dr Nazrin Shah telah sudi mencemar duli untuk merasmikan masjid berkenaan serta turut berkesudian menyertai majlis terbuka bersama pemimpin tempatan dan penduduk kampung.

Pengerusi Masjid Kampung Kubu Gajah, Shamsudin Man memaklumkan, masjid yang bernilai RM1.2 juta itu telah disiapkan dua tahun lalu dan ia telah banyak memberi keselesaan kepada jemaah.



Raja Dr Nazrin menyempurnakan majlis perasmian Masjid Kampung Kubu Gajah sambil diiringi oleh Zambrzy.

Menurutnya, Masjid Kampung Kubu Gajah yang telah wujud sejak 1920-an itu dibina baru bagi menggantikan struktur asal berasaskan

papan dan bersaiz kecil.

"Struktur binaan lama masjid ini sudah begitu usang dan boleh diibaratkan retak menanti belah. Usia

masjid ini sudah terlalu tua dengan ruang dalamnya agak sempit sekali gus mengehendak kehadiran jemaah.

"Kita bersyukur kerana kerajaan negeri prihatin terhadap masalah ini dan telah meluluskan pembinaan masjid baru bagi menampung keperluan lebih 800 jemaah. Masjid ini mengambil masa lebih setahun untuk disiapkan," katanya ketika ditemui pada majlis perasmian Masjid Kampung Kubu Gajah dan jamuan terbuka puasa di sini, petang kelmarin.

Hadir sama, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr Zambrzy Abdul Kadir dan semua wakil rakyat di daerah Kerian.

Tambah Shamsudin, selain lokasinya yang berada di atas bukit, antara keunikan lain yang terdapat pada seni bina masjid tersebut adalah

tidak mempunyai tiang di tengah-tengah dewan solat.

Katanya, secara keseluruhan masjid berkenaan berkeluasan enam hektar dan ia turut meliputi kawasan perkuburan Islam bersebelahan bangunan masjid.

"Kami bersyukur kerana diberi peluang untuk beribadah dalam sebuah masjid yang indah serta penuh keselesaan. Lebih bermakna apabila dirasmikan oleh pemangku raja Perak sendiri," katanya.

Majlis turut menyaksikan Raja Dr Nazrin Shah menyampaikan bantuan persediaan Hari Raya Aidilfitri daripada Baitulmal kepada beberapa masjid di mukim Parit Buntar, Bagan Tiang, Kuala Kurau, Bagan Serai, Tanjung Piandang dan Beriah.

Wang sumbangan akan diagihkan oleh penghulu mukim kepada penerima bantuan berkenaan.

# Hukum tanah wakaf kekal

Tidak pernah berubah, diselia sepenuhnya oleh Maipk

**IPOH** - Setiap tanah wakaf yang telah digazet sebagai tanah perkuburan akan terus kekal sebagai tanah wakaf.

Exco Kerajaan Negeri, Mohd Nizar Zakaria berkata, hukum berkenaan tidak akan pernah berubah sama ada bagi memberi peluang untuk pembangunan atau sebaliknya.

"Bagi kes tanah wakaf, hukumnya mesti kekal dan ia diselia sepenuhnya di bawah Majlis Agama Islam Perak (Maipk) yang menjadi agensi bertanggungjawab," katanya ketika menjawab soalan lisan dikemukakan Radzi Zainon (Pas-Sungai Rapat), semalam.

Bagi kes Tanah Perkuburan Islam mukim Sungai Terap, Batu Gajah yang dikhuatiri akan menjadi korban pembangunan, Mohd Nizar berkata, kerajaan negeri tidak pernah memberikan tanah seluas 25.9 hektar itu kepada syarikat swasta.

"Kita tidak berikan tanah berkenaan kepada syarikat swasta untuk dimajukan menjadi Batu Gajah Sentral," katanya.



Mohd Nizar ketika menjawab soalan lisan daripada Radzi berkenaan status tanah wakaf.

Mengulas lanjut, Mohd Nizar berkata, mengikut rekod sehingga Julai 2013, tanah perkuburan yang telah digazet Maipk di seluruh negeri adalah sebanyak 566 lot membabitkan keluasan 741.405 hektar.

Ia termasuklah di kawasan Kinta 63 lot, Hulu Perak (78), Kerian (104), Larut Matang Selama (107) dan Kuala Kangsar (81), Manjung (20), Perak Tengah (34), Kampar (30), Batang Padang (26) dan Hilir Perak (23).

Menjawab persoalan berhubung keadaan tanah perkuburan Kampung Sengat yang sebelum ini dilaporkan sering ditenggelami air, beliau berkata, kerajaan negeri sudah menyediakan perancangan jangka pendek dan pan-

jang untuk mengatasi masalah itu.

Katanya, tindakan bersepadu bersama agensi lain akan diambil bagi penyelesaian jangka panjang, sementara untuk jangka pendek, penduduk boleh menggunakan tanah kubur berhampiran lain sehingga masalah berkenaan diatasi sepenuhnya.

"Maipk akan menyiasat keadaan sebenar yang berlaku di kawasan itu termasuk aspek pembangunan sekeliling yang berkemungkinan menjadi penyumbang kepada keadaan banjir itu," katanya.

Dalam soalan tambahan, Radzi turut membangkitkan soal bayaran tinggi yang dikenakan terhadap waris bagi urusan pengebumian di kawasan Meru Raya.

Mohd Nizar berkata, pengurusan di kawasan itu membabitkan sistem tanah perkuburan secara pusat yang mengambil kira soal kepadatan penduduk.

"Mengenai soal caj tinggi itu, kita akan panjangkan untuk perhatian Maipk," katanya.



# Tolak nilai songsang sanjung penjenayah

» Raja Dr Nazrin minta rakyat ketepi tanggapan usaha polis banteras jenayah sebagai zalim

Ipoh:

**P**emangku Raja Perak, Raja Dr Nazrin Shah meminta rakyat menolak nilai songsang yang menyanjung penjenayah sebagai wira dan menganggap tindakan pasukan keselamatan membantaras jenayah sebagai zalim.

Baginda bertitah jika nilai songsang itu diterima, lebih banyak pihak berani

melakukan jenayah, bersifat riak mencahar pihak berkuasa, bertindak ganas serta terus melakukan jenayah menurutkan hawa nafsu.

**Jangan iktiraf**

"Penjenayah jangan sama sekali dilindungi, jauh sekali daripada diiktiraf sebagai wira," titah baginda pada Persidangan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak ke-184 di sini, semalam. **● Nasional 12**

# Beri sokongan padu kepada polis

○ Dari muka 1

Sebaliknya, titah baginda moral anggota polis yang menegakkan keamanan, berkorban nyawa dan keselamatan diri wajib dipertahankan dan diberi sokongan padu oleh setiap rakyat yang mahukan keamanan.

Raja Nazrin bertitah berdasarkan laporan akhbar, kejadian jenayah berat terutama jenayah bunuh semakin menjadi-jadi di negara ini.

"Jenayah bunuh bukan saja dilaporkan semakin sering berlaku malah dilakukan secara ganas, kejam dan mengerikan hingga ke peringkat berlakunya kes pembunuhan di hadapan ibu tua, anak kecil dan dalam rumah ibadat," titah baginda.

**Cabar undang-undang**  
Baginda bertitah perbuatan sekejam, seganas dan ngeri sedemikian, seolah-olah memper-



Raja Dr Nazrin Shah, Pemangku Raja Perak

lihatkan sifat angkuh pihak tertentu mahu mencabar undang-undang negara serta melakukan provokasi mencabar penguat kuasa undang-undang.

"Jenayah akan berleluasa jika penjenayah beranggapan pihak berkuasa kurang tegas menguatkusakan undang-undang.

"Jenayah semakin berani dilakukan jika penjenayah beranggapan bahawa mereka begitu mudah terlepas daripada tangkapan, mudah bebas da-

ripada dakwaan dan jika disabitkan, sekadar dijatuhkan hukuman ringan," titah baginda.

**Banteras secara kolektif**

Berikutan itu, usaha membantaras jenayah hendaklah dijalankan secara kolektif di mana rakyat perlu turut sama memainkan peranan membantu polis.

"Jawatankuasa masjid dan surau serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung perlu tampil membantu polis dalam tugas kawalan serta menyampaikan maklumat keselamatan dan perlakuan jenayah kepada pihak polis dari semasa ke semasa.

"Dalam kawasan yang dianggap kritikal, program pengawasan oleh pihak awam mungkin perlu difikirkan dan diperkenalkan, agar tugas polis dapat ditinggalkan," titah baginda.

Baginda juga menegaskan bahawa jenayah tidak boleh dikaitkan dengan faktor kaum atau motif politik kepartian.

"Penjenayah adalah penjenayah, penjenayah harus dilihat dari lensa sedemikian," titah baginda. **BERNAMA**

# Wakaf berpotensi jadi sumber pembiayaan Islam

» Penggunaan inovatif mampu beri kedudukan lebih tinggi

Oleh Shahrizan Salian  
shahrizan\_salian@bh.com.my

**W**akaf, antara instrumen kewangan awam Islam yang berpotensi menjadi sumber pembiayaan serta mekanisme pengalihan kekayaan wajar diberikan perhatian dalam industri kewangan Islam, titah Pemangku Raja Perak, Raja Dr Nazrin Shah.

Baginda bertitah, prinsip kekal untuk selama-lamanya yang terdapat dalam struktur wakaf membezakan pembiayaan patuh syariah itu daripada konsep yayasan serta kebajikan yang dilaksanakan di Barat.

"Daripada sudut pandangan ekonomi, wakaf boleh dilihat sebagai mekanisme pelaburan-simpanan yang mana dana diasingkan daripada perbelanjaan dan dilabur dalam beberapa aset produktif.

"Penggunaan yang inovatif sedemikian membantu merungkai potensi ekonomi di samping matlamatnya sendiri yang bertujuan menderma. Justeru, dengan semua manfaat yang jelas itu maka wakaf perlu diberikan kedudukan yang lebih tinggi dalam industri (kewangan Islam)," titah baginda ketika menyampaikan ucapan pada Sidang Kemuncak Kepakaran Kewangan Islam anjuran majalah perbankan antarabangsa, *The*



Raja Dr Nazrin Shah,  
Pemangku Raja Perak

*Banker* di Kuala Lumpur, semalam.

Raja Nazrin, yang juga Duta Kewangan Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC) bertitah, adalah mustahak supaya penekanan lebih meluas diberikan untuk mewujudkan hubungan lebih baik antara industri dengan tanggungjawabnya ke atas sosio ekonomi bagi mencerminkan teras sebenar Islam itu sendiri.

## Tanggungjawab sosial

"Satu daripada instrumen yang menghubungkan kedua-duanya adalah wakaf atau pembiayaan Islam. Penggunaan tradisi wakaf adalah untuk membina sekolah, hospital serta kemudahan awam," titahnya.

Baginda bertitah, Bahrain adalah antara contoh dalam bidang wakaf apabila bank pusat serta beberapa institusi kewangan negara itu yang mempunyai operasi kewangan Islam menubuhkan sebuah dana wakaf pada 2006.

"Pulangan daripada dana itu telah digunakan untuk membiayai latihan, pendidikan serta penyelidikan di pelbagai peringkat industri kewa-

ngan Islam.

"Di Malaysia, Johor Corporation atau JCorp adalah satu contoh entiti korporat yang membangunkan beberapa program tanggungjawab sosial secara meluas menerusi unitnya, Waqaf An Nur Corporation," titah baginda.

Raja Nazrin bertitah, berdasarkan pandangannya, kewangan Islam kontemporari kebanyakannya telah terpisah daripada aspek sosio ekonomi.

Titahnya, sama seperti kewangan konvensional yang beralih daripada konsep 'Main Street' kepada 'Wall Street' di pasaran maju, kewangan Islam dikatakan secara perlahan-lahan mula beralih daripada kewangan runcit kepada kewangan peringkat tinggi.

"Beta percaya kewangan Islam, yang teras utamanya adalah menggalakkan keadilan sosial boleh dan seharusnya melakukan usaha lebih banyak lagi bagi menampung keperluan golongan miskin serta yang dipinggirkan," titahnya.

Bagi tujuan itu, titah baginda, kewangan Islam mempunyai peranan penting untuk membawa masuk umat

Islam yang kurang mendapatkan perkhidmatan menyertai arus perdana ekonomi.

## Ekonomi seimbang

Titahnya, ia adalah satu cara untuk membantu mengatasi kemiskinan dan mewujudkan pekerjaan, sekali gus menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi lebih seimbang dan pembangunan mapan.

"Salah satu caranya ialah dengan meluaskan skop pembiayaan mikro patuh Syariah yang kini hanya mewakili satu peratus daripada capaian pembiayaan mikro global.

"Terdapat juga peluang untuk melaksanakan prinsip Islam seperti zakat, sedekah, qardhul hasan dan seumpamanya untuk menyalurkan pembiayaan jangka panjang kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"Penggunaan meluas kontrak berasaskan ekuiti seperti mudarabah dan musharakah menyediakan peluang kukuh untuk meraih manfaat daripada potensi produktif PKS, sekali gus menggalakkan keusahawanan serta pembentukan kekayaan yang sebenar," titahnya.

## Maipk manfaat tanah wakaf



Mohd Haidi (dua, kiri) beramah mesra dengan penerima bantuan rumah selepas Majlis Penyerahan Bantuan Rumah Berkelompok.

IPOH - Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (Maipk) memanfaatkan tanah wakaf miliknya dengan membina rumah berkelompok (Baitul Asnaf) untuk asnaf yang menepati kriteria termasuk di Kampung Ara Payung, Mukim Sungai Terap Batu Gajah.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohd Haidi Sulaiman berkata, 11 rumah yang dibina di tanah seluas 12 hektar itu adalah projek pertama yang dilaksanakan di Perak dan bakal diperluaskan ke daerah lain.

Menurutnya, kebanyakan asnaf yang memohon

bantuan membina rumah tidak mempunyai tapak tanah, jadi penubuhan Baitul Asnaf ini sememangnya membantu golongan memerlukan.

"Beberapa kriteria yang ditetapkan untuk permohonan rumah ini termasuk mereka menyewa atau menumpang selama 20 atau 30 tahun, berpendapatan rendah, masih tiada rumah walaupun usia telah mencapai 50 hingga 60 tahun.

"Secara keseluruhan, kos yang diperuntukkan untuk 11 rumah ini adalah RM500,000. Kita memang ada perancangan untuk membina lagi rumah seperti ini bagaimanapun, ia

bergantung kepada bilangan asnaf yang memohon," katanya selepas merasmikan Penutup Konvoi Kembara Zakat Kebangsaan Kali ke-2 dan Penyerahan Bantuan Rumah Berkelompok, di sini.

Beliau berkata, Maipk mengambil masa hampir dua tahun untuk menyiapkan rumah berkenaan memandangkan tapak itu adalah bekas lombong yang perlu ditambah terlebih dahulu.

"Kita akan berunding dengan Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) untuk memberi nama dan alamat bagi kawasan perumahan ini," katanya.

# Raja Nazrin wakaf tanah

Seluas 40 hektar untuk tapak kampus pengajian Kuisas

SAIFULLAH AHMAD & RIDAUDDIN DAUD

**KUALA KANGSAR** - Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (Kuisas) disarankan supaya menerima potensi wakaf untuk dijadikan salah satu sumber pendapatan.

Pemangku Sultan Perak, Raja Dr Nazrin Shah bertitah, sejarah membuktikan bahawa wakaf telah berperanan penting membantu pembangunan pelbagai institusi pengajian dan institusi ilmu di era kegemilangan Islam.

Baginda bertitah, peranan wakaf dalam pendidikan perlu dilawati semula dan dirintis usaha untuk dihidupkan semula.

"Di negeri Perak, Madrasah Idrisah telah dibangunkan melalui konsep wakaf. Moyanganda Beta, Sultan Idris Murshidul Aadzam Shah, adalah pengasas Madrasah tersebut. Marham Idris telah mewakafkan tanah milik Baginda untuk dijadikan tapak pembinaan Madrasah Idrisah.

"Mengambil ibrah dari teladan Marham Idris itu, Beta



Pemangku Sultan Perak, Raja Dr Nazrin Shah menyampaikan skrol kepada salah seorang graduan Kuisas 2013, semalam.

turut mewakafkan kawasan seluas 100 ekar (40 hektar) untuk tapak kampus pengajian Kuisas," titah baginda pada Majlis Perasmian Kuisas dan Istiadat Konvokesyen Kali Keenam, di sini, semalam.

Baginda bertitah, era yang semesta-mata bergantung kepada sumber tajaan kerajaan untuk membiayai Institut Pengajian Tinggi tidak akan kekal selama-lamanya.

Titahnya, pergantungan semesta-mata kepada dana

Kerajaan tidak akan membolehkan Kuisas berkembang pesat.

"Institusi Pendidikan Tinggi yang memiliki autonomi kewangan tidak hanya bergantung kepada sumber kewangan kerajaan dan sumber pendapatan dari yuran pengajian. Sebaliknya ia turut menorkai sumber-sumber pendapatan lain termasuk melakukan urusan niaga, penerbitan berkualiti, serta mendapatkan endowment berbentuk kumia-

an, tajaan dan derma.

"Untuk itu Kuisas perlu ada perancangan dan pelan kewangan yang mantap untuk menentukan kelangsungannya supaya tidak terkekang disebabkan sumber kewangan yang terbatas," titah baginda.

Baginda bertitah, keunggulan sesebuah institusi pengajian tidak terletak kepada nama, sebaliknya keunggulan sesebuah institusi pengajian dinilai dari segi kualiti graduan yang dihasilkan.

Baginda bertitah, kualiti graduan yang dihasilkan, amat dipengaruhi oleh kualiti pengajian sementara kualiti pengajian dipengaruhi oleh kualiti tenaga akademik yang berkhidmat di dalam sesebuah institusi pengajian sementara kualiti tenaga akademik pula dipengaruhi oleh budaya pengurusan yang diamalkan oleh sesebuah institusi pengajian.

Titah baginda, pada umumnya, Institut Pengajian yang berjaya mencapai tahap kecemerlangan dan difikirkan unggul mengamalkan dua pendekatan utama iaitu menghargai autonomi intelek dan memiliki autonomi kewangan.

"Adalah penting bagi Institut Pengajian Tinggi mengamalkan budaya autonomi intelek, berada di atas dan berkedudukan bebas dari sebarang pengaruh politik kepartian agar dapat memenuhi falsafah pengwujudannya sebagai perkampungan ilmu yang menghayati prinsip kesatuan dalam kepelbagaian," titah Raja Nazrin.

# Belanja jangan boros

SAIFULLAH AHMAD

**IPOH** - Setiap organisasi dijangka supaya bertanggungjawab dan berhemah selain mengamalkan sikap berhemat dalam membelanjakan.

Pemangku Sultan Perak, Raja Dr Nazrin Shah bertitah, sumber rezeki dan sumber kekayaan sedia ada terbatas serta ia tidak melimpah ruah.

Menurut baginda, setiap organisasi perlu memastikan bajet dengan idea dan dapat meningkatkan hasil perolehan bagi memastikan organisasi tidak mengalami defisit.

"Bajet yang mempunyai defisit mendorong organisasi melakukan pinjaman dan terpaksa menanggung beban hutang.

"Hutang dimungkinkan sekiranya pinjaman dilakukan untuk tujuan produktif yang pada akhirnya memberikan pulangan bersih positif atau yang berpotensi memberikan manfaat jangka panjang," titah baginda ketika Peredaran Ke-195 Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak di Kompleks Islam Dataran Puteri, di sini, semalam.

Suami bertitah, falsafah di sekolah bajet semestiah bukan sahaja relevan kepada organisasi, malah ia mempunyai aplikasi yang luas kepada kehidupan setiap individu dan keluarga.

Ikhsan baginda, di peringkat individu dan keluarga, si-



Raja Dr Nazrin Shah (kanan) berkenan menerima cek zakat perniagaan daripada Pengerusi ANH Jawatankuasa Syariah Bank Pembangunan, Tan Sri Harussani Zakaria, semalam.

kap membelanjakan melebihi pendapatan akan mendorong kepada perbuatan boros dan amalan pembaziran," titah baginda.

Titah baginda, bajet adalah disiplin dalam menentukan parameter perbelanjaan yang wajib disediakan kepada organisasi.

Baginda bertitah, kejayaan disiplin dalam membelanjakan memerlukan berbekalnya ketekunan spiritual dan terpengaruh dalam gestalten nafsu.

Titah baginda lagi, pendidikan mengenai bajet perlu diperkenalkan dan diajarkan di peringkat individu dan keluarga.

"Oleh itu, pengetahuan dan penerapan mengenai bajet dari persekitaran dalam keluarga sewasafira diperkenalkan dalam kuliah-kuliah dan kelas-kelas agama yang dianjurkan di surau, masjid dan istiadat-jabatan kerajaan," titah baginda.

# Usah politik kenaikan harga

**KOTA BHARU** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Koperasi (KPDNKK) menyalah isi berhubung kenaikan harga barang di politikian sesetengah pihak dalam usaha menghidupkan dan menyasarkan di negara ini.

Timbalan Menteri, Datuk Ahmad Basah Md Hanjiah berkata, masyarakat sering kali salah faham mengenai kenaikan harga barang kerana pihak tersebut sengaja berbuat demikian demi kebaikan politik mereka.

"Biasanya maklumat negatif mengenai kenaikan harga barang melalui media selepas memastikan Hari Perayaan dan Perayaan Ke-195 Peringkat Negeri di Pusat Transformasi Luar Bandar (PTC), di sini, semalam.

Ahmad Basah berkata, isu kenaikan harga barang tersebut dijangka oleh pihak pembangkang yang menggunakan dengan jenis-jenis kempen dalam masyarakat.

"Perubahan mengenai kenaikan harga barang perlu dibincangkan namun berdasarkan kajian, jarang berlaku karyawati yang membuat perbandingan mengenai harga barang dengan negara-negara jiran kita termasuk Thailand dan Singapura.


"Terbentuknya harga yang lebih mahal berbanding harga barang di negara ini," katanya.



Ahmad Basah Md Hanjiah, MJO beramah mesra dengan perniaga sayur di PTC Terbing, semalam.

Direktori  
MAIPk

---



## IBU PEJABAT

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak  
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak  
No. Tel: 05-208 4000 No. Faks: 05-241 4257

## CAWANGAN

### DAERAH BATU GAJAH

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak  
Pejabat Pentadbiran Daerah Batu Gajah  
No. 5A, Lorong Dewangsa 2  
Jalan Dewangsa  
31000 Batu Gajah, Perak  
No. Tel: 05-365 1290  
No. Faks: 05-365 3504

### DAERAH KG. GAJAH

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak  
Pejabat Pentadbiran Daerah Kg. Gajah  
Tingkat 2, Kompleks Pentadbiran  
Daerah Kg. Gajah  
Jalan Tanjong Tualang  
36800 Kampung Gajah, Perak  
No. Tel: 05-631 2208  
No. Faks: 05-631 3078

### DAERAH SERI ISKANDAR

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak  
Pejabat Pentadbiran Daerah Seri Iskandar  
No. 3, Jalan PP7, Bandar Universiti  
32610 Seri Iskandar, Perak  
No. Tel: 05-366 5310  
No. Faks: 05-366 3445

### DAERAH KAMPAR

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak  
Pejabat Pentadbiran Daerah Kampar  
Lot 105, Jalan Idris  
31500 Kampar, Perak  
No. Tel: 05-465 1143  
No. Faks: 05-465 1151

### DAERAH TAPAH

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak  
Kompleks Tadbiran Agama Islam  
Jalan Raja, 35000 Tapah, Perak  
No. Tel: 05-401 4858  
No. Faks: 05-401 0490

### DAERAH SLIM RIVER

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak  
Pejabat Pentadbiran Daerah Slim River  
Jalan Rumah Rehat  
35800 Slim River, Perak  
No. Tel: 05-452 0653  
No. Faks: 05-452 6221

### DAERAH MANJUNG

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak  
Pejabat Pentadbiran Daerah Manjung  
No. 7, Persiaran PM 3/6  
Pusat Bandar Seksyen  
32040 Seri Manjung, Perak  
No. Tel: 05-688 6957  
No. Faks: 05-688 7599

### DAERAH TELUK INTAN

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak  
Kompleks Tadbiran Agama Islam  
Jalan Raja Muda Musa  
36000 Teluk Intan, Perak  
No. Tel: 05-621 6194  
No. Faks: 05-621 2263

### DAERAH KUALA KANGSAR

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak  
Pejabat Pentadbiran Daerah Kuala Kangsar  
Jalan Raja Chulan  
33000 Kuala Kangsar  
No. Tel: 05-776 8371  
No. Faks: 05-777 3400

### DAERAH LENGGONG

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak  
Pejabat Pentadbiran Daerah Lenggong  
Jalan Alang Iskandar  
33400 Lenggong, Perak  
No. Tel: 05-767 8869  
No. Faks: 05-767 8542

### DAERAH GERIK

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak  
Pejabat Pentadbiran Daerah Gerik  
Lot 11064, Jalan Suda Bahagia  
Off Jalan Sultan Iskandar  
33300 Gerik, Perak  
No. Tel: 05-791 3755  
No. Faks: 05-791 0137

### DAERAH PENGKALAN HULU

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak  
Pejabat Pentadbiran  
Daerah Pengkalan Hulu  
Jalan Tasek  
33100 Pengkalan Hulu, Perak  
No. Tel: 05-477 8077  
No. Faks: 05-477 8917

### DAERAH TAIPING

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak  
Pejabat Pentadbiran Daerah Taiping  
Jalan Muzium  
34000 Taiping, Perak  
No. Tel: 05-806 6564  
No. Faks: 05-805 8048

### DAERAH SELAMA

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak  
Pejabat Pentadbiran Daerah Selama  
Lot 463, Jalan Wan Mohd Razally  
34100 Selama, Perak  
No. Tel: 05-839 3744  
No. Faks: 05-839 1064

### DAERAH BAGAN SERAI

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak  
Pejabat Pentadbiran Daerah Bagan Serai  
Jalan Matang Buluh  
34300 Bagan Serai, Perak  
No. Tel: 05-721 2926  
No. Faks: 05-716 2141

### DAERAH PARIT BUNTAR

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak  
Pejabat Pentadbiran Daerah Parit Buntar  
Jalan Persiaran Permai  
Taman Kerian Permai  
34200 Parit Buntar  
No. Tel: 05-716 7090  
No. Faks: 05-716 6010

### UTC PERAK

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak  
Pejabat Pentadbiran UTC Perak  
Lot LB 29, UTC  
Off Jalan Dato' Onn Jaafar  
30300 Ipoh, Perak  
No. Tel: 05-241 3375  
No. Faks: 05-241 3380





[www.maiamp.gov.my](http://www.maiamp.gov.my)